

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Shah Alam, Selasa 17 November 2009

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)
YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)
YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)
YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)
YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)
YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,
PJK. (Morib)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

TIDAK HADIR

YB Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

(Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama satu (1) tahun mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

(Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama enam (6) bulan mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009)

TURUT HADIR

(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh
Ketua Penolong Setiausaha

Cik Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
BENTARA

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Cik Siti Salina bt. Muftar
PELAPOR PERBAHASAN

(Timbalan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi rahmani rahim Assalamualaikum warahmatullahi wabaratu*h dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

PUAN SPEAKER: Balakong. Tidak hadir. Batu Caves. Tidak hadir juga. Jeram.

YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Tuan Speaker soalan nombor 86.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK: KEMUDAHAN PELAJAR

86. Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan Selangor Hab Pendidikan bertaraf antarabangsa. Justeru kemudahan infrastruktur yang baik dan mencukupi adalah penting.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: *Assalamualaikum warahmatullahi Wabaratu*h dan selamat sejahtera. Kemudahan perumahan pelajar UNISEL pada ketika ini adalah mencukupi tetapi sedang dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Kampus Bestari Jaya. Bilangan pelajar Kampus Bestari Jaya pada ketika ini adalah seramai 10 ribu orang dan kemudahan asrama yang ada di dalam kampus adalah untuk seramai 5 ribu orang. Namun begitu daripada projek inisiatif swasta beberapa rumah kediaman telah dibina di atas tanah UNISEL iaitu Taman Ilmu yang boleh menempatkan seramai 1,500 orang pelajar. Di samping itu baru-baru ini UNISEL telah membeli sebanyak 111 buah rumah teres 2 tingkat daripada PKNS di Kota Puteri yang boleh menempatkan 1,000 orang pelajar. Rumah-rumah di Kota Puteri boleh diubahsuai untuk menempatkan pelajar-pelajar antarabangsa khususnya dari Negara-negara Timur Tengah. UNISEL juga dalam proses membangunkan asrama Fasa Kedua yang boleh menempatkan 3,500 orang pelajar Kampus di Shah Alam boleh menerima 3,000 orang pelajar. Pada ketika ini universiti bercadang untuk menempatkan seramai satu per tiga daripada bilangan pelajar tersebut tempat penginapan yang diurus oleh UNISEL. Dan pada ketika ini seramai lebih daripada 200 pelajar telah ditempatkan di Wisma MAIS Shah Alam yang diuruskan di bawah pemantauan UNISEL. Belum ada lagi penempatan khas yang disediakan untuk pelajar antarabangsa kerana kita mahu universiti ini mahu pelajar luar Negara bergaul mesra dengan pelajar tempatan. Sekian puan speaker.

YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Soalan tambahan Puan speaker.

PUAN SPEAKER: Silakan Jeram.

YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Terima kasih puan speaker. Berdasarkan maklumat daripada EXCO tadi yang mana setakat ini 50% sahaja dapat menampung untuk pelajar di asrama di pusat pengajian berkenaan dan sebahagian separuhnya lagi menetap di luar. Jadi apa terjadi pada hari ini gejala sosial agak ketara di kalangan pelajar-pelajar UNISEL khususnya bila mana sementara menunggu untuk penginapan berikutnya untuk penginapan pelajar-pelajar sebahagian penuntut terpaksa menyewa dan sebagainya sampai ke daerah Kuala Selangor, Pekan Kuala Selangor dan juga sampai ke Tanjung Karang. Jadi apa yang berlaku pada hari ini saya lihat gejala sosial di kalangan pelajar-pelajar begitu ketara. Jadi soalan saya ialah apakah langkah-langkah yang sedang dan akan dibuat oleh pihak pentadbiran supaya gejala ini tidak akan terus berleluasa satu. Keduanya berdasarkan kepada apa yang disebutkan EXCO tadi yang mana telah dikenal pasti untuk dibuat asrama di luar ataupun di Kota Puteri dan sebagainya sudah tentulah ia di luar daripada kawalan kampus induk itu sendiri.. So untuk mencegah perkara-perkara yang begini juga saya memberi pandangan saya nak bertanya apakah langkah-langkah keselamatan dari segi ini kerana kita bukan menyediakan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam akademik, tetapi kita juga hendakkan kita mempunyai jati diri yang kuat dan teguh kepada teguh kepada keimanan dan ketakwaannya kepada Allah. Dan saya lihat saya yakin dan saya berterima kasih pada ketika ini yang mana pihak JAIS, pihak Jabatan Agama Islam Kuala Selangor, Selangor memang sentiasa membuat pemantauan. Tetapi memandangkan kawasan yang banyak yang luas daripada Batang Berjuntai sampai ke Kuala Selangor sampai ke Tanjung Karang kawalannya agak terbatas dan budaya sosial ini memang satu perkara yang bukan rahsia di kalangan masyarakat setempat di daerah Kuala Selangor. Terima kasih.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Terima kasih kepada Jeram. Seperti yang saya katakan tadi memang kita akui di antara masalah yang menyumbang kepada gejala sosial ialah apabila pelajar-pelajar itu di biar begitu sahaja tanpa pemantauan lagi-lagi apabila mereka ni diam di tempat-tempat yang lain luar daripada kampus dan mungkin dalam perjalanan ataupun dengan masa yang begitu banyak tanpa pemantauan. Jadi apa yang seperti apa yang sebutkan tadi kita dalam proses Fasa Kedua untuk membina asrama di dalam kampus, Ini pun sudah di dalam proses dan yang kedua seperti yang disebutkan oleh Jeram tadi bagaimana kita apakah langkah-langkah kita untuk menangani gejala sosial yang dikaitkan dengan pelajar-pelajar UNISEL di antaranya ialah pembangunan insan pelajar itu tersebut sudah tentulah kita tidak boleh sekali gus meliputi lebih daripada 10,000 pelajar itu tadi. Tetapi dengan pimpinan-pimpinan pelajar, pertubuhan-pertubuhan pelajar yang telah kita mulakan di mana kita telah mulakan usrah di mana kita telah mulakan bengkel-bengkel dan kursus-kursus kepimpinan pelajar sedikit sebanyak ia telah pun berkembang dan Insya-Allah kita harap dengan langkah-langkah tersebut sedikit sebanyak ia boleh mengurangkan gejala sosial yang dikaitkan dengan pelajar-pelajar UNISEL ini. Tetapi tentang perumahan itu tadi memang kita dalam proses membenakan Fasa kedua asrama di dalam kampus Bestari Jaya itu sendiri.

PUAN SPEAKER: Kuala Kubu Bharu.

Y,B. TUAN WONG KOON MUN: Puan Speaker soalan 87.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUS DARIPADA
YB TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK: KELEMBAPAN EKONOMI DI NEGERI SELANGOR

87. Kelembapan ekonomi kini, turut dirasai oleh rakyat dan peniaga di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri Selangor bagi membantu peniaga di premis-premis bawah kerajaan negeri yang di tadbir majlis daerah dalam kelembapan ekonomi sekarang, seperti sediakan bajet untuk kurangkan sewa premis dan beri insentif?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Kuala Kubu Bharu mengenai soalan usaha kerajaan bagi membantu peniaga di mana premis-premis di bawah Kerajaan Negeri yang ditadbirkan oleh majlis daerah dalam kelembapan ekonomi sekarang untuk dikurangkan sewa premis dan diberi insentif. *Alhamdulillah* sekarang keadaan ekonomi mula bertambah cerah dan tiap-tiap kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Negara seperti Persidangan APEC yang diadakan di Singapura dua tiga hari yang lepas dan juga kenyataan-kenyataan dari Gabenor Bank Negara dan juga Gabenor-gabenor Bank Antarabangsa telah menunjukkan bahawa ekonomi dunia mula bergerak ke arah positif. Kedua kesannya ke atas ekonomi Negara sudah juga positif. Seperti yang dijangkakan dalam Belanjawan Negara pada untuk 2010 oleh Perdana Menteri Malaysia, dia menjangkakan ekonomi bertumbuh antara 2 hingga 3 peratus berbanding pada suku pertama pada tahun ini menjunam ke tolak 6%. Jadi keadaan ini akan memberi rangsangan kepada ekonomi dan oleh sebab itu usaha sekarang ini ialah untuk menggalak masyarakat usahawan untuk mengembangkan *business* nya. Keduanya untuk supaya mereka dapat mengembangkan ekonomi hasil daripada pengembangan *business* Jadi pada saya kita mungkin akan membuat beberapa usaha sama yang mana jika benar-benar pekedai-pekedai, penyewa-penyewa itu boleh membayar sekarang dengan benar dan kita boleh buat rancangan yang dia hanya bayar beberapa peratus tetapi apabila mereka mendapat keuntungan dan ke peningkatan perniagaan dia boleh membayar yang lebih itu kemudian. Tapi ini menjangkakan keterbukaan ketelusan antara dua pihak iaitu pihak peniaga dan juga pihak-pihak berkuasa tempatan. Pada tahun depan saya berharap saya akan ada masa untuk turun bersama-sama dengan Yang Berhormat dari Pandamaran untuk mencari jalan bagaimana kita boleh menolong peniaga-peniaga tersebut dalam usaha memberikan mereka peluang untuk berniaga dengan mengurangkan tekanan. Apa yang paling penting dalam perniagaan *cash flow* maknanya aliran kewangan. Jadi kalau aliran kewangan itu dapat kita kurangkan awal dan apabila mereka berjaya dan mereka bersetuju untuk membayar bukan lebih pada itu dan kita boleh adakan satu cara kewangan yang pembayaran sewa yang lebih inovatif lagi. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya lihat premis-premis perniagaan termasuklah gerai-gerai dan juga kedai-kedai luar Bandar yang ada sekarang ini, keadaannya terlalu uzur dan sebahagian daripada kedai-kedai tersebut disewa dengan sewaan lebih kurang serendah 5 ringgit sebulan, dan ini juga ada berlaku tunggakan-tunggakan yang begitu tinggi dan sebahagiannya pula disewakan daripada seorang yang empunya yang lain disewakan kepada peniaga-peniaga ini. Dan adakah Kerajaan Negeri merancang untuk

membuat satu kajian berkaitan dengan premis-premis perniagaan ini termasuklah kedai-kedai luar Bandar yang mana sekarang ini diserahkan daripada segi pemantauan dan sewaan kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengkaji sejauh mana sama ada kita mahu baik pulih ataupun kita lupuskan dan kemudian membina premis-premis yang baru yang saya kira mungkin pada kadar sewaan itu boleh dipertimbangkan sama ada dalam keadaan yang ah yang lebih baik ataupun yang memenuhi hasrat rakyat di seluruh Negara.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Sijangkang saya memahami tentang keadaan ini. Tahun-tahun sebelum ini kita apa yang kita lakukan pihak berkuasa tempatan telah menswastakan perkataan swasta tu agak terlalu baik dan itulah menyerahkan ini untuk jagaan kumpulan-kumpulan tertentu dan kumpulan-kumpulan tertentu itu tugasnya untuk mengutip sewa-sewa dan seterusnya menjaga premis-premis tersebut. Beberapa perkara yang berlaku sewa dikutip premis tidak dijaga, sewa tidak dikutip premis pun tidak dijaga. Ada beberapa perkara yang berlaku. Jadi oleh sebab itu kita akan meminta beberapa pasukan untuk turun ke padang. Kedua kita mesti mempunyai disiplin dan dari segi pendirian bahawa hanya yang berniaga sahaja dibenarkan untuk gunakan premis itu. Kita tidak boleh menyediakan premis perniagaan untuk tukang sewa. Satu kajian yang pernah dibuat kebanyakan yang menyebabkan terdapat kelemahan dan jurang pendapatan masyarakat ialah apa yang dipanggil *Rental Class*. Satu *class* orang yang jadi tauke menyewa tapi tak buat kerja. Jadi kita akan cuba hapuskan *rental class*. *Rental class* ini beberapa kajian menunjukkan kebanyakan mereka ada kaitan dengan politik dan kita akan cuba ubah konsep tersebut supaya mereka yang benar-benar boleh berniaga dan berniaga menggunakan premis itu diberikan. Jadi itu satu konsep yang baru nak kita beri. Kedua kita juga akan berkongsi konsep, berkongsi pendapatan ini konsep ialah kalau mereka untung dapat pendapatan mereka barulah boleh berkongsi dengan kita. Kalau premis itu tak beruntung dia tak boleh berkongsi dengan kita. Jadi adalah tanggungjawab kita juga untuk menentukan mereka-mereka pekedai-pekedai ini untung maknanya dia dapat jual barangan tersebut. Jadi daripada segi itu mesti ada ketelusan maknanya dia akan dapat menerangkan kepada kita mengapa dia tidak boleh bayar sewa, sebab pendapatan kurang dia daripada perbelanjaan dia. Jadi kalau pendapatan lebih daripada perbelanjaan salah satu daripada kira-kira mengapa perbelanjaan dia itu meningkat atau tinggi adalah kerana sewa. Jadi kita berikan sewa bersesuaian dengan pulangan mereka. Kita ada apa yang dikatakan hubungan perniagaan bukan mengambil bisnes dia tapi hubungan perniagaan. Ini konsep juga dalam konsep Islam panggil Mudarabah maknanya kita berkongsi dari segi berpendapatan tetapi hanya had kita ialah sewa sahaja bukan pendapatan dia semua. Jadi katalah sewa dia RM100 sebulan tetapi dia tidak boleh bayar dan kita katalah bayar RM5 sebulan dia dah untung besok barulah u bayar RM95. Jadi itu beberapa cara inovasi yang kita nak lakukan dan saya berharap saya akan dapat berjumpa dengan pegawai-pegawai jadi dalam PBT ada juga pegawai-pegawai yang dalam Kumpulan Pembangunan Usahawan dan kita akan dapat berjumpa dengan dia untuk mengkaji perkara tersebut tetapi konsep yang paling penting tak ada *middle man*. Dulu ada terdapat *middle man*, orang tengah yang buat kutipan jadi oleh kerana ramai pekedai-pekedai itu marah kepada orang tengah jadi langsung dia tak bayar. Jadi dan akhir sekali sifat tak bayar hutang ini memang tak bolehlah, akhir sekali tak bayar sewa pun tak boleh jadi ktia mesti *made that* satu daripada prinsip usahawan sama kita ini.

PUAN SPEAKER : Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Puan Speaker, soalan 88.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN – TAHFIZ

88. Sekarang ini terdapat banyak Pusat Pengajian Al-Quran – Tahfiz didirikan di negeri ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah Pusat Pengajian Al-Quran – Tahfiz di seluruh Negeri Selangor mengikut daerah?
- b) Apakah Pusat Pengajian Al-Quran – Tahfiz ini menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri?
- c) Apakah syarat dan garis panduan bagi individu atau badan-badan tertentu untuk mengadakan Pusat Pengajian Al-Quran – Tahfiz?

YB. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih Puan Speaker, terima kasih Dusun Tua. Oleh kerana perkara ini banyak ditimbulkan tentang Sekolah Agama dan juga Maahad Tahfiz. Puan Speaker saya ingin mengambil masa 5 atau 6 minit untuk menerangkannya. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Dusun Tua yang akhir-akhirnya begitu minat dengan Tahfiz, dengan pengajian-pengajian Islam, di peringkat Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan sebagainya tapi untuk tahfiz ini UMNO Barisan Nasional dah 52 tahun sepanjang-panjangnya di akhir usia UMNO Barisan Nasional sebelum kalah dalam Pilihan raya baru menubuhkan satu Maahad Tahfiz di Jugra dengan jumlah pelajar 52 orang itu sahaja. Bayangkan dalam 52 tahun, 52 tahun 52 orang sahaja jadi hari ini baru nak menyoal-nyoal ini pun saya hormatilah tapi yang selama-lama ini kita tak ambil tahu pun tak pernah ziarah pun, tak pernah pergi pun, tak pernah.....

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Puan Speaker, ini sangka buruk EXCO ini, sangka buruk.

YB. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Dah...tak ini fakta

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Saya menyoal ini perkara ini jujur dan ikhlas untuk negeri bukan bercakap soal Barisan Nasional dan saya rasa Speaker tolong EXCO jawab

YB. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Saya nak bentangkan senario.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Sangka buruk.

YB. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Saya nak bentangkan senario, tak ada sangka buruk, sangka baik ini. Okey, yang kedua tentang Tahfiz ini kita dalam masa baru-baru minggu lepas Puan Speaker, itu seminar yang agak besar melibatkan pengusaha-pengusaha Tahfiz Swasta dan juga pengusaha-pengusaha Tahfiz di bawah JAIS dan orang JAIS di satu seminar yang sangat-sangat cantik dua (2) hari Seminarsnya dengan pakar-pakar yang kita undang

Pakar-pakar dari Universiti Antarabangsa, Pakar-pakar dari Akademi Islam dan Pakar-pakar yang terlibat dalam mengendali secara langsung Maahad Tahfiz ini, maknanya *Practitioner* dengan izin Alhamdulillah daripada seminar yang saya pun terlibat sebagai sedikit di dalam seminar itu kita telah merumuskan Insya-Allah dalam masa enam (6) bulan ini akan diadakan satu *Blueprint* tentang bagaimana kita nak meningkatkan martabat, maahad tahfiz sama ada yang dah daftar atau pun belum daftar lagi dengan JAIS. Puan Speaker, soal pendaftaran ini dulu-dulu sampai 10 tahun, 15 tahun tak daftar-daftar lagi ada yang mengadu kepada saya 20 tahun tak daftar lagi. Ada sahaja masalah pendaftaran tetapi sekarang Alhamdulillah dengan Kerajaan Pakatan Rakyat ini hampir setengah 50% yang dulu tersekat-sekat tetapi sekarang kita risau daftarkan dengan JAIS. Ini satu pencapaian yang agak baik. Nombor tiga yang saya nak menyebut ialah tentang sambutan rakyat. Sambutan rakyat sangat hebat sebab itu saya rasa dulu Dusun Tua akhir-akhir ini berminat. Sebab sambutan rakyat kita nak misalnya dalam 100 orang yang datang interviu mungkin 1,000, 2,000 orang yang datang interviu dan sekarang ini *standard* kita ini kalau yang Tahfiz kelayakan oleh JAIS 5A nak masuk misalnya Tingkatan 1 dan Maahad Tahfiz Sains dan Teknologi 5A. 5A jadi maknanya *elite*, *seelite* MMKK Tunku Kurshiah dan sebagainya ini yang kita hendak bayangkan nanti Ahli-ahli Sains, teknokrat-teknokrat Profesional Ahli Korporat yang berjaya dalam dunia Korporat mereka 30 juzuk ada dalam diri mereka. Yang bawa kapal terbang *Chief Pilot* ia akan berjaya dengan teknikal begitu hebat dalam dirinya menempa warna itu 30 juzuk Al-Quran dalam dirinya. Inilah yang sedangkan kita bangunkan ini sedang berlaku di depan mata kita. Jadi saya mengharapkan Insya-Allah kemudian itu kita nak menjadikan Selangor ini Insya-Allah Al-Quran *friendly*, maknanya Mesra Al-Quran Tahfiz *friendly* maknanya mesra dengan Tahfiz inilah yang saya telah diamanahkan oleh Kerajaan Negeri untuk menjalankan perkara ini saya akan menentukan perkara ini Insya-Allah akan berjaya dan ini akan berlaku daripada sumber-sumber ini Insya-Allah anak-anak daripada sini akan kita bina jadi *feeder*, *we are going to become feeders* orang-orang yang akan menduduki UNISEL. Orang-orang yang akan duduki KUIS, orang-orang yang akan dihantar ke Azhar, Syria, ke Jordan, ke Saudi, ke Yaman mana pun dalam dunia ini Insya-Allah orang-orang ini yang akan pulang ke tanah air nanti Insya-Allah satu hari Pengarah JKR pun adalah ex-Mahaad Tahfiz Sains dan Teknologi, Pengarah JPS pun adalah ex-Mahaad Tahfiz Sains dan Teknologi. Ini kalau dapat dilakukan bayangkan kehebatan manusia-manusia ini akan mentadbir kita. Sejumlah semua sekali Puan Speaker, ini semua Maahad Tahfiz yang berdaftar dan belum berdaftar ini ada dua yang berdaftar dan belum berdaftar ada 76 sekarang ini di Negeri Selangor. Yang sudah berdaftar ada 43 dulu tak ada sekarang 43 dalam setahun setengah kita memegang terajui dalam Selangor ini. Alhamdulillah pendaftarannya kalau misalannya mereka mendapati berdaftar dengan JAIS keselamatannya bagus bangunannya, kesihatannya bagus, bombanya menepati syarat dan juga kurikulumnya disusun menepati kurikulum ada, kurikulum nasional JAKIM dan JAIS mereka akan terus ditauliahkan menjadi sesuatu yang berdaftar. Kemudian daripada 76, tadi 43 berdaftar, yang belum berdaftar ialah 33 dan saya akan bagi jaminan kepada mana-mana Maahad Tahfiz berdaftar ini sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat itu pihak JAIS rasanya tidak ada masalah untuk memberikan kebenaran kepada mereka berdaftar dengan JAIS. Kemudian tentang bantuan ini dulu-dulu saya kata tidak dapat bantuan, tak ada, tak ada bantuan, bukan tak ada bantuan tak pernah pergi tengok pun. Tapi sekarang ini, kita berdepan dengan mereka kita ajak mereka, kita berunding dengan mereka, sama ada kita pergi kepada mereka atau mereka mendatangi ke kita. Ha ini namanya *Element Of reciprocity* dengan izin yang kita lakukan Alhamdulillah, Insya-Allah dengan itu walau pun mereka belum dibantu lagi tetapi kelulusan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk membantu Sekolah Cina, Sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Agama. Saya rasa Pelabuhan Selat Kelang akan memasukkan sebahagian daripada Tahfiz ini sebagai pusat-pusat yang akan diberikan bantuan. Walaupun, begitu sekarang ini Lembaga Zakat Negeri Selangor telah memberi, sedang memberi RM150 sebulan kepada pelajar-pelajar Tahfiz Swasta yang didaftarkan dengan JAIS

dan akhirnya Puan Speaker saya berharap dan saya mempunyai gambaran yang sangat-sangat positif. Satu masa nanti Insya-Allah di Negeri Selangor ini kita akan mendapati sekolah-sekolah Menengah yang akan didirikan. Dua atau tiga Maahad Tahfiz didirikan dan Insya-Allah kalau boleh satu daerah satu Maahad Tahfiz, kita ada 9 Maahad Tahfiz berserta dengan dua yang sedang ada 11 kalau kita bersatu nanti ada 600 orang kita ada 600 orang 11 tempat itulah bentuk-bentuk manusia ramainya yang akan dilatih, yang akan dipilih dan teman-teman Yang Berhormat boleh memikirkan untuk menghantar anak-anak ke pusat-pusat Tahfiz ini. Terima kasih.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Puan Speaker, soalan tambahan.

PUAN SPEAKER: Bangi

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih. Puan Speaker, saya mengucapkan tahniahlah Selangor akan menjadi bukan menjadi sedang menjadi Mesra Al-Quran. Bangi nak tahu modal Tahfiz manakah yang terbaik yang kita nak contohi di Selangor, Selangor ini yang kedua agaknya di tempat-tempat mana kawasan mana di DUN yang manakah didirikan Tahfiz masa yang terdekat ini? Terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih, Bangi ini saya faham kerana tempat mana-mana itu kalau dia tak sebut Bangi dia tak tidur malam ini. (ketawa). Jadi kita nak lihat taburan, taburan yang bersesuaian, kesesuaian tempat, kesesuaian tempat penduduk dan kesesuaian kita nak tengok macam mana tempat-tempat itu dapat menyokong proses untuk kita membina *The Core of Profile, The Core of Profile* dengan izin supaya mereka betul-betul mendapat berfungsi dalam masyarakat dan saya ingat tengoklah saya akan runding dengan Bangi kalau kita tengok Bangi itu sesuai tapi Bangi dah macam-macam minta dah macam-macam dapatlah kalau ada pun mungkin lima (5) tahun ke Bangilah agaknya. Jadi apa pun kita merasa gembira sekarang ini kita lihat di mana-mana pun bahkan di luar Selangor pun kita dapati bahawa minat ibu bapa pelajar-pelajar yang keluar dari Tahfiz ini. Saya nak bagi tahu lagi satu perkara lagi Pusat-pusat Tahfiz ini dari segi disiplin pelajar, dari disiplin saya sendiri pun sedang dan pernah mengendalikan Maahad Tahfiz IQ KL Institut Al-Quran Kuala Lumpur selama 17 tahun kita tak ada masalah disiplin, tak ada masalah disiplin budak-budak 13 tahun pun sampailah 22 tahun yang ada di IQ KL itu tak ada mengalami masalah disiplin tinggal di Taman Tun Dr Ismail dekat dengan One Utama, dekat dengan pusat hiburan tetapi mereka tidak terlibat dalam pusat-pusat sedemikian. Apa bentengnya? Bentengnya ialah Al-Quran. Jadi saya merasakan, Bangi ya? Insya-Allah, kita tengok Bangi macam mana pun, lima (5) tahun tadi bergurau aje. Apa ni, Selat Klang bisik daripada belakang tadi, bukan tak dibantu tapi ni, sudah pun sekolahnya diperuntukkan bantuan daripada skim yang kita berikan kepada sekolah Cina, sekolah Tamil dan juga sekolah-sekolah Agama tersebut. Terima kasih.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Soalan tambahan ya?

PUAN SPEAKER: Silakan Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Ya. Terima kasihlah YB EXCO. Sebut saya minat sangat hal agama ni. Jadi, daripada jawapan YB EXCO tadi, saya melihat bahawa bukanlah sebenarnya bila Pakatan Rakyat jadi Kerajaan ni, orang minat nak buat Maahad Tahfiz. Sebenarnya dah lama dah pun, ya. Jadi sangkaan-sangkaan seperti ni tak betullah ya, YB EXCO.

PUAN SPEAKER: Dusun Tua nak buat rumusan ke nak tanya soalan tambahan?

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Sekejaplah Puan Speaker. Bagilah saya ruang sekejap. Takkan saya nak bercakap seminit pun tak boleh sebelum saya beri soalan? Tak panjang pun ni, ya. YB EXCO, saya percayalah yang saya lihat, ni sebelum saya kemukakan soalan berikutnya, bahawa penubuhan Maahad Tahfiz pada hari ini diterajui oleh individu-individu dan juga sebahagian golongan korporat.....

PUAN SPEAKER: Dusun Tua, kita tidak minta penjelasan daripada Dusun Tua. Saya beri peluang....

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Selepas tu saya sambung dengan soalan. Sekejap sahaja.

PUAN SPEAKER: Dusun Tua, dengar sini. Saya beri ruang untuk soalan tambahan. Bukan memberi penjelasan.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Saya tak memberi penjelasan.

PUAN SPEAKER: Memberi penjelasan ialah EXCO. Sila kemukakan soalan tambahan. (Menekan loceng).

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Puan Speaker tidak berlaku adil dengan sayalah. Sikit sangat saya nak sebut pun tak boleh. Mukadimah sikit pun tak boleh.

PUAN SPEAKER: Saya beri laluan untuk soalan tambahan bukan untuk memberi penjelasan.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Allah, Yang Berhormat, macamlah Yang Berhormat tak buat sama macam saya. Saya kadang-kadang ni. Nak tunjuk buku peraturan.....

PUAN SPEAKER: (Menekan loceng). Mana soalannya?

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Yang Berhormat. Setahu saya, soalan seterusnya. Saya ingin pastikan kalau Kerajaan Negeri benar-benar, khususnya mengutamakan agama ini di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat ini. Saya bawa keluhan rakyat ni. Tolong pastikan Maahad-Maahad Tahfiz ni diberi peruntukan. Terima kasih, Puan Speaker.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Saya ingat, saya tidak perlu jawapan tu. Baru sahaja di hujung jawapan saya, Kerajaan Negeri menghulurkan dua (2) jenis bantuan melalui Lembaga Zakat Selangor, tiap-tiap pelajar diberi RM150.00 sebulan yang zaman UMNO, Barisan Nasional dulu.....

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Saya nak pastikan. Insya-Allah.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Yang zaman UMNO, Barisan Nasional dulu, sesen pun tak ada, sesen pun tak ada. (Dewan bersorak). Nombor dua (2), nombor dua (2), bantuan-bantuan memperbaiki *maintenance*, infra dan sebagainya telah pun disalurkan mengikut giliran kepada Maahad-Maahad Tahfiz yang terpilih untuk diberikan bantuan. Terima kasih.

YB TUAN LEE KIM SIN: Soalan tambahan, Kajang?

PUAN SPEAKER: Pelabuhan Klang.

YB TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Terima kasih, Puan Speaker. Soalan ke 89. Tahap Kemajuan Perkhidmatan 'Wireless'.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: TAHAP KEMAJUAN PERKHIDMATAN 'WIRELESS'

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa peratuskah tahap kemajuan yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri di dalam menyediakan perkhidmatan 'wireless' / jalur lebar di kawasan Pelabuhan Klang?

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih, Puan Speaker dan Pelabuhan Klang. Terkejut juga saya tadi. Tadi tak nampak, tiba-tiba muncul. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kerana Pelabuhan Klang begitu berminat tentang isu-isu 'wireless' ni dan semua soalnya menuju kepada soalan 'wireless' sebenarnya. Ada tiga (3) soalan sebenarnya. Untuk itu saya menjawab. Sebelum saya menjawab soalan secara khusus, Puan Speaker, izinkan saya menerangkan secara keseluruhan projek 'wireless' Selangor ini. Buat masa ini ada dua (2) perancangan terus daripada Kerajaan Negeri iaitu melalui pelaksana Jaring Communication Sdn. Bhd. dan juga *Hybrid Wireless Infrastructure Network (HyWIN)* dan juga dalam dua (2) projek ini, kita memulakan daripada bulan April dan akan habis ataupun akan sudah pada bulan April 2014. Jadi untuk itu, saya ingin nyatakan bahawa Pelabuhan Klang akan jatuh projeknya pada bulan sembilan (9) 2011, projek di Pelabuhan Klang baru bermula. Jadi, harap bersabar kerana kita buat projek ini berperingkat supaya ianya dapat memenuhi keseluruhan Selangor sendiri. Selain daripada itu, sebenarnya projek 'wireless' ini juga dalam perbincangan dengan beberapa pihak yang lain seperti *Redtone* dan juga *Packard One* dan akhirnya saya dimaklumkan bahawa pihak PBT juga ada mengambil langkah untuk pro-aktif untuk menyediakan perkhidmatan 'wireless' ini kepada semua masyarakat tetapi malangnya di Pelabuhan Klang belum ada apa-apa. Saya rasa mungkin Pelabuhan Klang sendiri tidak memohon sebelum ini. Terima kasih.

YB TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Soalan tambahan, Puan Speaker?

PUAN SPEAKER: Silakan, Pelabuhan Klang.

YB TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Terima kasih EXCO, Puan Rodziah. Soalan tambahan saya.....

PUAN SPEAKER: Gunakan nama kawasan, bukan nama individu.

YB TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Ya, soalan tambahan saya.....

PUAN SPEAKER: Peraturan Tetap.....

YB TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: Soalan tambahan saya, soalan tambahan saya. Saya mahukan Pelabuhan Klang tu diberi keutamaan. Sebagaimana yang Puan EXCO sedia maklum, Pelabuhan Klang ada juga menghasilkan, yang mendatangkan salah satu hasil untuk Negeri Selangor ni. Saya mohon EXCO pertimbangkan perkhidmatan tadi, Pelabuhan Klang diberi keutamaan sepenuhnya. Terima kasih.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya pun hairanlah. Baru kali ni, baru nak diberikan keutamaan kerana hampir 20 bulan tidak ada apa-apa perkara yang dibuat di dalam, di Pelabuhan tersebut.

(Dewan bersorak).

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:Walaupun saya sendiri pernah ke sana untuk membuat.....

YB TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH: YB EXCO, YB EXCO....

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tetapi Puan Speaker, saya ingin menjelaskan. Soalan itu saya tidak akan jawab kerana tidak ada kena-mengena dengan soalan yang dikemukakan tentang peratus perkhidmatan 'wireless' di tempat beliau. Sekian.

PUAN SPEAKER : Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Puan EXCO. Eh, Puan Speaker. (Ketawa). Terganggu pula, terganggu pula dengan Pelabuhan Klang ni. Soalan saya nombor 90.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: MAJLIS BANDARAYA

90. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan selain Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) PBT manakah yang berpotensi dinaiktarafkan sebagai Majlis Bandaraya?
- b) Sila nyatakan apakah kriteria khusus bagi mana-mana PBT yang bakal dinaiktarafkan sebagai Majlis Bandaraya ?
- c) Sila kemukakan secara *detail* peruntukan-peruntukan dan bantuan yang bakal diterima daripada Kerajaan Pusat oleh sesuatu PBT apabila berjaya mencapai status Majlis Bandaraya ?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, Sekinchan nak tanya mengenai status Majlis Bandaraya. Berdasarkan kepada kriteria semasa yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan melalui Pekeliling Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Bilangan 4 Tahun 2008, selain Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, rata-rata PBT Selangor yang bertaraf Perbandaran layak dinaiktarafkan kepada Majlis Bandaraya kerana mempunyai pendapatan lebih RM100 juta kecuali Majlis Perbandaran Sepang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak menggalakkan PBT-PBT yang layak ini untuk dinaiktarafkan kepada Majlis Bandaraya sehingga mereka mampu meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada tahap yang memuaskan pelanggan dan penduduk setempat. PBT digalakkan supaya menumpukan perhatian kepada peningkatan kualiti perkhidmatan dan kualiti hidup penduduk. Kriteria naik taraf sebagai Majlis Bandaraya adalah seperti berikut :-

- i) PBT itu harus meliputi kawasan pusat pentadbiran sesebuah Negeri.
- ii) Mempunyai penduduk tidak kurang daripada 500,000 orang.
- iii) Mempunyai pendapatan dari sumber kewangan yang mampan dengan hasil tahunan tidak kurang dari RM100 juta serta mampu mengimbangkan perbelanjaan.
- iv) Berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pada tahap yang tinggi termasuklah aktiviti kutipan hasil, kelulusan pemajuan pembangunan, penguatkuasaan dan lain-lain fungsi PBT serta mempunyai struktur organisasi yang mantap serta kakitangan yang berkebolehan menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan.
- v) Pembangunan bandar yang menekankan kepada pembangunan mampan, dengan izin *sustainable development* serta memberi tumpuan kepada usaha untuk menangani isu-isu perbandaran seperti setinggan, operasi kilang haram, keselamatan, perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan pemeliharaan alam sekitar. Indikator bandar mampan seperti yang ditekankan dalam sistem Malaysia *Urban Indicator Network* Murninet juga akan diambil kira.
- vi) Pembentukan imej bandar ataupun identiti yang bersesuaian dengan fungsi bandar dan budaya nasional yang melambangkan sejarah dan warisan. Kawasan-kawasan dan bangunan-bangunan yang mempunyai nilai sejarah, budaya dan seni bina yang unik serta perlu dipelihara.
- vii) Mempunyai pusat perindustrian, institusi kewangan dan kemudahan menjalankan perniagaan dan perdagangan bagi menarik kemasukan pelabur. Ini termasuklah kemudahan-kemudahan perhotelan bagi menggalakkan kegiatan pelancongan dan urusan perniagaan. Tumpuan diberikan kepada kepesatan sektor perkhidmatan serta pembangunan aktiviti ekonomi bandar yang bernilai tambah dan berorientasikan pengetahuan.
- viii) Mempunyai pusat institusi pendidikan yang lengkap dengan Universiti, Kolej, Maktab, Muzium dan Perpustakaan Awam.
- ix) Pusat kepada aktiviti kebudayaan, acara-acara sukan dan riadah serta konvensyen di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- x) Mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap, utiliti awam yang mencukupi termasuklah taman-taman awam yang mesra pengguna terutamanya kepada orang kurang upaya (OKU). Ini termasuklah kemudahan-kemudahan pengangkutan awam, sistem pengurusan lalu lintas dan rangkaian jalan raya yang cekap serta perkhidmatan ICT.
- xi) Mendapat pengiktirafan tertentu sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa dalam bidang-bidang tertentu sejajar dengan taraf sebagai sebuah bandar raya.

Buat masa ini, tidak ada bantuan atau peruntukan-peruntukan yang khusus diberikan kepada PBT dari Kerajaan Pusat apabila berjaya mencapai tahap Bandaraya. Tak ada. Oleh sebab itu, antara kriteria yang ditetapkan untuk menaiktarafkan sesuatu Majlis ke taraf Majlis Bandaraya perlu mempunyai sumber kewangan yang kukuh dengan hasil pendapatan melebihi

RM100 juta. Majlis Bandaraya tersebut diharapkan dapat menjalankan pentadbiran dengan menggunakan sumbernya sendiri tanpa bantuan dari Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Puan Speaker. Soalan nombor 91.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: PROGRAM 'MEMASYARAKATKAN EKONOMI NEGERI SELANGOR'

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah di belanjakan mengikut pecahan program setakat ini.
- b) Apakah bentuk promosi kepada rakyat agar mereka sedar dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah benar-benar menjiwai kehendak rakyat.
- c) Apakah fasa kedua program yang pernah di janjikan oleh Kerajaan Negeri.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, Sijangkang mengenai program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor. Sijangkang nak tahu berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan mengikut pecahan program dan bentuk promosi yang kita lakukan dan fasa kedua tentang program Merakyatkan Ekonomi.

Sejumlah tujuh (7) program yang kita telah lakukan dan peruntukan yang sudah berjumlah RM135,868,532.65. Secara pecahan, kita....untuk bekalan air percuma yang tidak kita masuk dalam bajet ataupun belanjawan Negeri Selangor tetapi kita gunakan kemudahan atau keuntungan yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat di bawah MBI. Bekalan air percuma kita telah memperuntukkan lebih daripada RM150 juta. Hadiah anak masuk Universiti pada tahun 2008, kita telah memperuntukkan RM5 juta tetapi kita telah belanja RM3.567 juta. Untuk 2009, kita peruntukan RM8.2 juta tetapi sehingga 30 September tahun ini, penggunaannya ialah RM4.28 juta. Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), kita peruntukan RM9 juta dan kita masukkan terus dalam Tabung TAWAS RM 9 juta. Pada 2009, RM4.4 juta, kita juga masukkan ke dalam Tabung Warisan Anak Selangor itu RM4.4 juta. Jadi jumlah peruntukan yang sudah dibelanjakan mengikut belanja yang disatukan dan dikeluarkan daripada akaun kita ialah RM13.5 juta. Skim Mesra Usia Emas, peruntukan RM20.7 juta tapi di belanja pada tahun 2008 hanya RM3.6 juta. Tapi pada 2009 di peruntukan lagi RM20.7 juta di belanja sehingga 30.9.2009, di belanja sejumlah RM15.6 juta. RM19 juta telah dibelanjakan sehingga sekarang.

Pada 2009 sebanyak 430 ribu dibelanjakan. Tabung Pendidikan Anak-anak pekerja-pekerja Ladang 500 ribu dibelanjakan pada 2008. Pada 2009 sehingga 30.9.09 sejumlah 845,933.34. Jumlah perbelanjaan ialah 1.3 juta ringgit. Jumlah semua melibatkan apa yang saya katakan tadi melebihi 194 juta ringgit. Kemudian, apakah yang kita hendak nyatakan supaya rakyat sedar, masih lagi rakan-rakan kita daripada Barisan Nasional masih mempersoalkan perkara

ini, sudah 100, 200 juta kita berikan. Dan kita tahu kepada siapa yang kita berikan. Dan saya hendak mencari rekod tahun 2006 dan 2007 tentang cara pemberian oleh Barisan Nasional kepada mereka-mereka yang diberi dalam skim kebajikan ini masih belum kita ada rekod yang terperinci. Walau bagaimana pun saya berjanji akan mengeluarkan kertas putih tentang perkara tersebut supaya tidak lagi rakan-rakan kita daripada Barisan Nasional kata dia pernah bagi dan bagaimana cara pemberian mereka. Dan kita akan memberi penerangan tentang pembukaan kaunter penerangan di dan kita akan mengadakan publisiti dan ramai orang mengatakan kita mesti menggunakan papan apa tu *billboard* untuk menerangkan perkara ini yang kita akan lakukan selain daripada itu, kita berharap kita akan menggunakan TV Selangor untuk menerangkan perkara-perkara ini. Walau bagaimana pun cara yang terbaik sekali ialah perkhidmatan yang diberikan oleh wakil-wakil kita Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang pergi ke bawah untuk menyerahkan usaha-usaha kebajikan ini dan bersama-sama mengerti tentang kehendak-kehendak rakyat.

Fasa ketiga yang keempat masih lagi dalam kajian kita, iaitu antara yang kita kaji. Ini belum lagi kita nak laksanakan bergantung kepada kutipan-kutipan dan juga hasil-hasil yang kita lakukan umpamanya bantuan anak ke nurseri. Bantuan Anak pergi sekolah. Juga kita ada mereka yang mencadangkan untuk bantuan mendirikan rumah tangga. Jadi masih lagi belum, blum kita fikirkan. Tapi dalam kajian. Elaun ibu tunggal ada juga. Tapi ada buat program bukan menerima sahaja tetapi bekerja. Jadi kita ada anu. Elaun khas suri rumah. Ini, jangan, kita masih lagi buat kajian ini. Tapi takut pulak besok kalau jadi dalam setengah-setengah negeri suri rumah dianggap bekerja. Jadi ada gaji. Jadi, itu pun kena buat kajian dan juga kajian bantuan memiliki dan memperbaiki perniagaan. Ini semua dalam rancangan kita sebelum kita buat kita ada kajian. Bukan hanya kajian yang perlu. Tapi modus operandi untuk kajian. Sebab takut apabila kita beri maknanya kita tak beri kepada mereka yang sepatutnya mendapatinya.

YB PUAN SPEAKER: Kota Alam Shah

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Terima kasih Puan Speaker. Soalan No. 92.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK: PELABURAN OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR.

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah jenis-jenis pelaburan secara sendiri yang telah dijana oleh Kerajaan Negeri Selangor semenjak mengambil alih tampuk pimpinan pada 8hb Mac, 2008 sehingga ke hari ini?
- b) Apakah jenis-jenis pelaburan yang telah dirancang dan akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor semenjak 8hb Mac, 2008 sehingga ke hari ini?
- c) Apakah kriteria-kriteria yang di perlukan bagi sebarang pelaburan yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam menjana ekonomi Negeri?

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih. Daripada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kota Alam Shah. Mengenai jenis-jenis pelaburan yang dijana oleh Kerajaan

Negeri Selangor semenjak mengambil tampuk kepimpinan sejak 8 Mac 2008 sehingga hari ini, jadi untuk soalan ini jawapannya ialah sejak 8 Mac 2008 sehingga sekarang tiada sebarang pelaburan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui anak-anak syarikat di luar negara. Mengenai soalan pertanyaan (b) iaitu jenis-jenis pelaburan yang dirancang dan akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak 8 Mac 2008 sehingga hari ini, jawapannya ialah jenis-jenis pelaburan yang dirancang dan dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti bidang tumpuan yang disasarkan di dalam pakej rangsangan ekonomi. Antara bidang tumpuan utama tersebut adalah seperti berikut, iaitu:

- (a) Pemulihan dan pembersihan Sungai Klang yang melibat pembangunan kawasan perumahan sepanjang sungai dan tanah rizab.
- (b) Peluasan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT).
- (c) Menaikkan taraf dan menggantikan aset air berikutan pengambilalihan aset air Selangor oleh Pengurusan Aset Air Berhad.
- (d) Menumpukan usaha terhadap pembangunan semula kawasan terbiar termasuk Petaling Jaya dan Klang.
- (e) Pembangunan semula projek-projek perumahan yang terbengkalai.
- (f) Meningkatkan pengeluaran padi.

Mengenai kriteria yang diperlukan bagi sebarang pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam menjana ekonomi Negeri. Jawapannya ialah.

Dalam proses untuk membuat pelaburan Kerajaan Negeri hanya membuat pelaburan hanya anak syarikat Kerajaan Negeri bagi memudahkan segala urusan-urusan perniagaan yang berkaitan. Segala urusan penilaian dan pertimbangan pemilihan sesuatu projek tersebut diproses mengikut prosedur anak-anak syarikat yang berkaitan. Sebagai contoh, prosedur yang dilaksanakan oleh anak syarikat adalah seperti berikut:

- (i) Projek-projek baru dan pelaburan-pelaburan baru termasuk pembelian saham atau pengambilan syarikat adalah tertakluk kepada kajian dan penilaian Jawatankuasa Penilaian Pelaburan. Atau pun *Investment Evaluation Committee*. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menganalisa tentang *financial feasibility dan viability of the project* sebelum mengesyorkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kajian seperti pertimbangan dan kelulusan.
- (ii) Objektif garis panduan pelaburan adalah bagi mengurus aktiviti pelaburan dan memastikan tapak pelaburan dapat mengukuhkan pertumbuhan syarikat serta pelaburan diurus secara profesional, adil dan telus. Mengenai garis panduan pelaburan. Syarikat akan mengenal pasti peluang-peluang pelaburan selaras dengan aspirasi pemegang saham.

Kerajaan Negeri Selangor dan hala tuju strategik serta pelan pengurusan syarikat. Pelaburan-pelaburan adalah dalam sektor perniagaan baru. Atau yang menyediakan syernegy pada pelaburan syarikat sedia ada. Syarikat harus memegang kepentingan majoriti atau ekuiti minimum 20% di dalam pelaburan baru bergantung kepada perniagaan. Struktur pembiayaan pelaburan baru adalah bergantung kepada kos projek dan kedudukan kewangan syarikat.

Tetapi secara amnya struktur nisbah pinjaman ekuiti adalah 30 : 30, ah! 70 : 30. Modal perniagaan bagi pelaburan baru mesti menunjukkan pertumbuhan yang kukuh dan mempunyai kadar pulangan pelaburan tidak kurang daripada kadar purata pulangan industri keseluruhan. Kedudukan tahap pelupusan pelaburan atau *exit point* perlu ditentukan. Jika perlu di dalam penilaian kewangan. Syarikat akan menetapkan strategi pelaburan berimbang atau pun *balance investment* untuk memperoleh pulangan jangka panjang dan mempunyai *short juststation period*. Syarikat mungkin melabur di luar negara. Walau bagaimanapun fokus utama adalah di rantau Asia dan juga khususnya di Malaysia dan Selangor. Anak-anak syarikat yang berkaitan akan melapur status kemajuan sesuatu projek tersebut dari masa ke semasa kepada Kerajaan Negeri sebagai makluman. Bila anak syarikat menghadapi masalah dari segi pelaburan atau pun projek pembangunan mereka di Negeri Selangor. Ianya biasanya dibawa untuk perbincangan di Majlis Tindakan Ekonomi atau pun MTES. Sekian.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Soalan tambahan.

PUAN SPEAKER: Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Kota Damansara ingin tahu adakah perbincangan dilakukan antara Kerajaan Negeri dengan Kesatuan Kerja agar memastikan kebajikan golongan pekerja tetap terjamin.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kami pernah pada awal tahun ini bila berlakunya kegawatan ekonomi dunia kami amat, Kerajaan Negeri amat bimbang tentang pengangguran akan berlaku di Selangor dan menjejaskan kehidupan ramai pekerja khususnya pekerja golongan bawahan. Dan kami telah pun mengadakan, pada awalnya telah pun mengadakan mesyuarat di MTES untuk membincangkan masalah pengangguran dan juga kegawatan ekonomi. Ah! Kami berbincang dengan berbagai pihak, selain daripada pihak Persatuan Pengilang kami juga menjemput MTUC dan Kesatuan Sekerja dan juga Jabatan Tenaga Kerja dan berbagai pihak telah pun dipanggil untuk bermesyuarat. Hampir tiap-tiap minggu. Tapi selepas itu kami mengadakan mesyuarat setiap dua minggu dan selepas itu setiap satu bulan. Bila kami mendapati bahawa pengangguran di Negeri Selangor ini sebenarnya bukan begitu serius dan kami mendapati banyak kilang sebenarnya di Negeri Selangor ini masih tidak dapat, tidak dapat mencari pekerja yang diperlukan oleh mereka. Jadi dalam perbincangan pada waktu itu tentang gaji pekerja, kebajikan pekerja ini semua itu dibangkitkan dalam Mesyuarat MTES pada waktu tersebut. Selain itu kami sebagai Kerajaan Negeri dan EXCO-EXCO tertentu kami juga berhadapan dengan Kesatuan Sekerja dari masa ke semasa khususnya macam *department* saya mengenai pelaburan, perdagangan dan perindustrian. Jadi kami memang ada berhubung dengan pihak Kesatuan Sekerja tapi malangnya kuasa tentang gaji atau pun tenaga kerja di negara kita ini bukan di bawah tangan Kerajaan Negeri iaitu mengenai sama ada gaji minimum dilaksanakan atau pun tidak semua ini di tahap Kementerian Sumber Manusia.

YB TUAN LEE KIM SIN: Soalan tambahan.

YB PUAN SPEAKER: Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih kepada Puan Speaker. Kajang ingin bertanya berkaitan dengan laporan Ketua Audit yang menyatakan pelaburan jangka panjang bagi Kerajaan Negeri amatlah lemah dan tidak memuaskan iaitu hanya 0.02%. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk, untuk memantau dan memastikan pelaburan kita ini memang mendatangkan hasil.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, apa yang di, pelaburan yang dilakukan oleh anak syarikat kita ini. Sebenarnya kita kena mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Saya bagi satu contoh, saya sebagai anggota Lembaga PKNS. Di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah kita seorang pegawai dari Kementerian Kewangan, kementerian pusat, mereka sebenarnya duduk bermesyuarat bersama dan membuat keputusan bersama dengan pihak lembaga anggota PKNS dan juga Kerajaan Negeri. Jadi kami mengehendaki anak-anak syarikat kita ini mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Jadi mengenai pelaburan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu saya ingat mungkin pada tahap Exco dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempengerusikan mesyuarat dalam Lembaga Pengarah di setiap anak syarikat mungkin ini perlulah kita giatkan lagi, tentang pelaburan yang diambil. Dan kita harus ingat pada tahun ini memang kami menghadapi kegawatan ekonomi dan kita tahu ramai pemaju kita kata mereka juga *hold hand brake* ha! Mereka ramai yang masih, mereka banyak pertanyaan dibuat kepada pihak SSIC dan juga Kerajaan Negeri dan syarikat anak syarikat Kerajaan Negeri tetapi ramai tidak berani melabur kerana kegawatan ekonomi. Yalah memandangkan eksport kita turun begitu banyak. Jadi, saya percayalah dalam tahun yang akan datang bila pertumbuhan ekonomi kita ini naik semula, kita pelaburan yang dilakukan oleh anak-anak syarikat kita ini akan bertambah baik. Sekian, terima kasih.

YB PUAN SPEAKER: Kuang.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Yang Berhormat Puan Speaker, Kuang semak soalan 93.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : SAMPAH

93. <http://dun.selangor.gov.my/v1/?q=ms/node/1016/edit>Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah tempat pelupusan sampah yang berdaftar dan tidak berdaftar serta aktif beroperasi sekarang?
- b) Apakah Kerajaan Negeri sudah ada teknologi pelupusan sampah yang boleh menggantikan teknologi *incinerator*?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, YB Kuang soalnya adalah berkenaan dengan pengurusan pelupusan sampah (dengan izin) *solid waste management*. Saya ucapkan terima kasih kepada Kuang kerana membenarkan saya memberi penjelasan kepada dewan yang mulia ini. Tapak pelupusan sisa pepejal di Selangor terdiri daripada beberapa jenis iaitu nombor satu tapak pelupusan sisa pepejal *sanitary*. Terdapat tiga tapak pelupusan *sanitary* di Selangor iaitu di Jeram, Tanjung 12 dalam pembinaan dan Bukit Tagar yang khas untuk sampah daripada Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, tapak pelupusan di Bukit Tagar hanya menerima sisa pepejal dari DBKL. Tapak pelupusan di Jeram dan Tanjung 12 dioperasikan oleh Worldwide Holdings Bhd, manakala di Bukit Tagar diuruskan oleh KUB Envirol Berjaya. Worldwide Holdings Bhd. merupakan syarikat anak syarikat kerajaan negeri. Tapak pelupusan sisa pepejal lengai ataupun *in need*. Dua tapak pelupusan lengai di Selangor pula terletak

di Dengkil dan Kuang yang menerima sisa pepejal seperti bahan binaan, sisa perabot, sisa kebun, landskap, tayar dan lain-lain. Jenis ketiga tapak, tapak pelupusan sisa pepejal terbuka ataupun *dumpsite*. Hanya empat sahaja tapak pelupusan sisa pepejal terbuka di Selangor sedang beroperasi iaitu di Ampang Tengah, di Sepang, Bukit Beruntung, Sungai Sedu dan di Panchang Bedena. Walau bagaimanapun apabila tapak pelupusan *sanitary* di Tanjung 12 dibuka untuk beroperasi, kerajaan negeri akan menutup tapak pelupusan terbuka di Ampang Tengah dan Sungai Sedu. Satu lagi cara adalah stesen pemindahan sisa pepejal ataupun *transfer station*. *Transfer station* yang telah siap dibina pada tahun 2007 terletak di Seksyen 21 Shah Alam dan kini sedang menunggu kelulusan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melantik Worldwide Holdings Bhd. sebagai operator dan akhirnya tapak pelupusan sisa pepejal haram iaitu *illegal dumpsite*. Sejumlah 143 tapak sisa pelupusan pepejal haram telah dikesan dan tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan masing-masing sentiasa digerakkan untuk memantau tapak pelupusan sisa pepejal haram ini dan tindakan kerajaan adalah merampas tanah daripada tuan tanah kalau didapati bersalah. Kerajaan negeri sentiasa mencari kaedah-kaedah pelupusan sisa pepejal yang terbaik untuk diaplikasikan. Sehingga hari ini kita telah mempunyai satu loji yang menggunakan teknologi *refuse deride fill* (RDF) di Majlis Perbandaran Kajang. Teknologi ini digunakan untuk menukar sisa pepejal yang dilupuskan kepada tenaga elektrik. Selain daripada itu juga kerajaan negeri telah meneliti beberapa teknologi lain yang difikirkan sesuai untuk diguna pakai seperti *material resources facility* (MRF) dan *mechanical biological treatment* (MBT) yang akan menukarkan sisa pepejal yang dilupuskan kepada tenaga atau produk yang berasaskan barangan kitar semula. Saya ingin memberitahu dewan yang mulia ini bahawa pengurusan sisa pepejal sebenarnya adalah merupakan *concurrent list* di mana kerajaan negeri juga ada kuasa sepatutnya ada kuasa bersama dengan kerajaan pusat. Tetapi kerajaan pusat nampaknya ingin merampas kuasanya daripada negeri dan baru-baru ini Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberitahu dewan bahawa selepas *privatization* (dengan izin) pengurusan sampah ataupun sisa pepejal bil ini ataupun kosnya akan lambat daripada RM1.7 bilion kepada RM3.8 bilion selepas penswastaan. Sebab itu kerajaan negeri mempertikaikanlah kalaulah selepas penswastaan, bil kos itu akan lambat daripada RM1.7 bilion kepada RM3.8 bilion mengapa tak ada guna kalau kita menswastakan. Lagipun kita difahamkan teknologi yang akan digunakan itu bukan teknologi yang maju bukan yang canggih sebab tadi yang ditanya oleh Kuang bahawa yang boleh menggantikan *incinerator* yang kita tak mahu itu. Sekian, terima kasih.

YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE: Soalan tambahan.

PUAN SPEAKER : Teluk Datok.

YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE: Saya nak tanya kepada YB EXCO. Bilakah tapak pelupusan di Tanjung 12 akan siap dan beroperasi? Yang kedua berapakah kos yang digunakan untuk *land fill* ini?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Yang Berhormat iaitu Sungai Sedu itu nampaknya Tanjung 12 itu kalau ikut jadual ia akan boleh beroperasi dalam mula tahun yang depan sebab selepas itu semua tapak yang termasuk Sungai Sedu itu yang ada masalah yang besar saya faham akan ditutup dan kosnya saya tidak berapa pasti tetapi saya boleh memberitahu yang terhormat melalui surat.

YB TUAN LEE KIM SIN: Soalan Tambahan.

PUAN SPEAKER: Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Puan Speaker. Kajang ingin bertanya berkaitan dengan rancangan ataupun pelan ataupun *blue print* bagi menguruskan sisa pejal domestik khususnya yang kita nampak sekarang jenis-jenis pengurusan yang disebut tadi dan antaranya satunya tadi iaitu RDF iaitu *refuse deride fill* di mana dijalankan di Majlis Perbandaran Kajang. Kita dapati memang ada kitar semula dilakukan di situ dan juga ada pelupusan selepas itu. Dan sistem ini kita nampak memang lebih baik kalau dibanding dengan baik ia adalah tempat pembuangan terbuka ataupun ia merupakan satu *land fill* (dengan izin). Jadi apakah rancangan kita untuk menggalakkan kitar semula seperti yang dijalankan di Majlis Perbandaran. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, YB Kajang tegurannya memang baik kerana memanglah apa yang sedia ada itu jenis-jenis tapak dan sebagainya itu memang bukan boleh dikatakan teknologi yang baik. RDF itu memang merupakan teknologi yang lebih baiklah daripada itu walaupun bukan sempurna tetapi masalah sekarang ialah tadi saya kata pengurusan sampah ini merupakan *concurrent list* tetapi nampaknya kerajaan pusat nak ambil balik dan telah ada akta. Dua akta telah diluluskan di dewan dalam tahun 2007 walaupun dia tidak belum dilaksanakan. Sebab itu sekarang keadaan ini menjadi tidak tertentu. Bagaimanapun, kerajaan negeri telah melalui UPEN telah membentangkan satu *wish list* di mana menyatakan syarat-syarat dan kehendak-kehendak negeri Selangor mengenai isu pengurusan sisa pepejal ini. Tetapi sampai hari ini kita harus mengakulah kerana ada pertarungan ataupun belum mencapai persetujuan lah di antara negeri Selangor dan juga kerajaan pusat. Bukan sahaja negeri Selangor, kerajaan-kerajaan negeri yang di bawah Pakatan Rakyat yang lain termasuk Kelantan, Pulau Pinang dan sebagainya pun belum lagi rela menerima pendekatan yang baru itu. Jadi dalam keadaan ini susah bagi kerajaan negeri untuk mengadakan *blue print* walaupun kerajaan negeri telah melalui Worldwide Holdings di mana diberi tanggungjawab untuk menguruskan pengurusan sampah ini untuk membuat kajian, lawatan di luar negeri dan sebagainya tetapi kerana keadaan yang masih tidak *clear* (dengan izin) itu jadi susah bagi kita terus melaksanakan rancangan kita. Bagaimanapun kita akan terus menggunakan kuasa yang kita ada untuk berunding dengan kerajaan pusat supaya akhirnya sebelum *blue print* akan dicapai dengan teknologi yang canggih, dengan kos yang berpatutan. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar. Tidak hadir. Teluk Datok.

YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE: Terima kasih Puan Speaker. Soalan nombor 95.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: LAPORAN KEWANGAN ANAK SYARIKAT

95. Laporan Kewangan Anak Syarikat Tahun 2008 telah diaudit. Terdapat beberapa anak syarikat ini telah menghadapi kerugian yang serius.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Sila senaraikan nama-nama Anak Syarikat yang mengalami kerugian.

- b) Apakah punca-punca yang menyebabkan Anak Syarikat tersebut mengalami kerugian?
- c) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker. Terima kasih Teluk Datok. Mengenai laporan kewangan anak syarikat. Laporan kewangan anak syarikat yang disenaraikan yang mengalami kerugian. Ada dua anak syarikat yang tercatat iaitu Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. yang rugi RM151 ribu dan Tourism Selangor Sdn. Bhd. rugi RM134 ribu. Walau bagaimanapun, kedua-dua syarikat ini telah mencapai keuntungan pada tahun mula angka-angka menunjukkan mencapai keuntungan pada tahun 2009. punca-puncunya ialah Rangkaian Mesra ialah syarikat perkhidmatan untuk mengutip dan mengumpul data-data untuk Mesra Usia Emas, untuk merakyatkan ekonomi sebab data-data itu terpaksa kita kumpulkan dan syarikat itu mengumpulkan datanya dan tak ada pendapatan lain jadi ini adalah *charges* yang kita berikan. Jadi, oleh sebab itu dia akan mula mengenakan cas perkhidmatan kepada syarikat apa itu penggunaan. Katalah kita guna untuk TAWAS, dia akan cas TAWAS. Untuk Usia Emas dia akan cas Usia Emas dan akhirnya dia tidak akan berada kerugian kerana dia akan bagii servis *their service providers*. Tourism Selangor tahun ini adalah usaha dalam bentuk penjualan tiket-tiket kapal terbang dan seterusnya tapi tahun ini penjualan tiket adalah meningkat sebab kita minta semua anak-anak syarikat dan juga kerajaan negeri yang membeli tiket-tiket penerbangan menggunakan perkhidmatan Tourism Selangor Sdn. Bhd. Dengan cara itu hasilnya melebihi daripada kos pengendalian tersebut dan di samping itu kerajaan negeri juga dalam bajet 2010 memperuntukkan RM8 juta untuk pembiayaan peningkatan pelancongan. Tapi ini kita ambil kira kita asingkan kiranya penggunaan duit kerajaan kita asingkan tidak masuk dalam keuntungan syarikat-syarikat ini. Jadi kita tahu apa servis yang dilakukan dan tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri dengan tertubuhnya MBI Incorporated. Akaun-akaun ini akan disemak tiap-tiap *quarter every three month* tiap-tiap tiga bulan. Jadi dengan cara itu kita memantau hasilnya dan insya-Allah kerajaan dewan akan mendapat laporan dari MBI tentang urus tadbir dan perakaunan syarikat-syarikat dan institusi-institusi di bawah jagaan MBI. MBI hanya dapat diwujudkan secara beroperasi pada bulan Disember 2008. Jadi oleh sebab itulah hanya pada tahun hadapan kita mula mendapat laporan-laporan daripada MBI (Menteri Besar Incorporated). Jadi kerugian RM151 ribu dan RM134 ribu agak kecil dibandingkan hutang yang hendak dikutip RM390 juta.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Soalan tambahan.

PUAN SPEAKER: Kuang.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Oleh kerana Ijok menyebut mengenai MBI, saya sampai sekarang tak mendapat jawapan siapa yang mengelolakan MBI ini.

YAB DATO' MENTERI BESAR: MBI di bawah Menteri Besar Incorporated, aaa... pengerusinya ialah Menteri Besar. Aaa...dulu pun, pengerusinya Menteri Besar sebelum aa.... sebenarnya MBI tu ialah Menteri Besar Incorporated. Kalau di Kerajaan Persekutuan, dia dipanggil *Minister of Finance Incorporated*. Dia serupa. Sebelum saya masuk menjadi Menteri Besar, MBI ini sudah wujud, tetapi bawah juga Menteri Besar Incorporated tapi dia wujud di bawah Kumpulan Darul Ehsan. Maknanya Kumpulan Darul Ehsan menguasai MBI walau pun Menteri Besar juga menjadi pengerusi MBI. Itu sebab boleh jadi kurang kalau tanya tahun 2007 takde jawapan. Tapi pada tahun 2008, 9 ni aa.. dia ada jawapan. Dan ini sekarang sudah dikemas kini MBI ni dan Menteri Besar jadi Pengerusinya, SS jadi aa..dia punya, aa...Lembaga Pengarahnya, juga Pengarah kewangan negeri termasuk juga aa... Penasihat Undang-Undang.

Jadi dia di bawah satu kumpulan yang dijaga, itu sebab dia sama dengan kerajaan, jadi harta-harta tu adalah milikan kerajaan dan rakyat negeri Selangor.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Adakah Speaker. Adakah orang lain selain pada yang, yang YB Ijok sebutkan tadi.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tak ada. Dia..dia.. tapi di bawah MBI ini , adalah syarikat – syarikat yang dijaga MBI seperti PKNS, KDEB apa semua. Dan pegawai-pegawai MBI ialah pegawai-pegawai yang kita pilih jadi pengarahnya yang paling penting, ialah pengarah MBI itu. MBI boleh menambah pengarah-pengarahnya, buat masa ini kita tidak ada penambahan pengarah-pengarah melainkan nama-nama yang saya nyatakan tadi.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya ke 96.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK: PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI

96. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah perbelanjaan Kerajaan Negeri telah memperlihatkan kesan-kesan positif berikutan perbelanjaan berhemah dan berjimat-cermat? Sila beri contoh dan perbandingan sebelum ini.
- b) Nyatakan cara-cara kerajaan dapat mengurangkan ketirisan dan bilakah kerajaan akan mengguna sistem tender yang tidak berasaskan kaum.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Kampung Tunku bertanya tentang perbelanjaan kerajaan negeri. Adakah perbelanjaan kerajaan negeri telah memperlihatkan kesan-kesan positif, berikutan perbelanjaan berhemah dan berjimat cermat, sila beri contoh perbandingan sebelum ini. Aaa...dan cara-cara untuk mengurangkan ketirisan dan aa... bilakah aa...kerajaan akan menggunakan sistem tender yang tidak berasaskan kaum. Ini pun soalan yang kali yang ketiga saya menjawab ini.. (Ketawa). Dari penyoaal aa...yang sama. Jadi ...aa...takpe. Perbelanjaan kerajaan negeri adalah berdasarkan kemampuan berbelanja. Itu sebab kita ada balance bajet. Apa yang kita, dan kita mestilah juga mencari jalan bagaimana untuk mengurangkan kos perbelanjaan, kedua kalau kita belanja, kita mesti kira belanja ialah *value for money*. Maknanya kalau kita beli barang tu, nilai 100 ringgit, mestilah kita beli yang bersesuaian dengan nilai 100 ringgit. Bukan beli barang 100 ringgit tapi dibayar 150ringgit. Itu kita akan pantau. Jadi dan rekod perbelanjaan kerajaan negeri berjimat cermat telah dibuat dan beberapa kajian pada 2008 sebanyak 2juta dapat dikurangkan. Aaa...dan, ini aa.. ada asas kiraannya. Dan antaranya apakah langkah-langkah , antara langkah-langkah untuk mengurangkan kos apa semua , jadi sistem bayaran secara *online*, ialah satu sistem pembayaran yang mengurangkan kos, maknanya aa...dia punya akaun rekod itu dapat dikurangkan. A lot of saving. Dan kita juga aa...pengurusan bangunan, juga macam mana kita nak mengurus bangunan supaya a...terdapat jimat, penjimatan dari segi elektrik, penggunaan air dan juga penjimatan untuk pembaikan. Ini pun kita lakukan, tapi untuk tahun hadapan, ada cadangan daripada Sumber

Manusia supaya kita memilih pegawai-pegawai yang punya kepakaran betul-betul untuk menjaga bangunan. Jadi bukan saja, pegawai saja untuk melihat, tapi dia mempunyai kepakaran dalam penjagaan bangunan, sebab penjagaan bangunan ini memerlukan beberapa kepakaran terutama lif, kos pembaikan lif ,aa..bumbung, aa...*air-condition*, semua ni kalau dijaga dengan baik, lebih banyak pengurangan kos penyelenggaraan. Kedua, kita juga akan membuat perbincangan bagaimana untuk mengurang...aaa. mengurangkan kos tenaga (*energy saving*) , dan ini beberapa syarikat telah datang untuk membuat beberapa cadangan, antaranya dia, cadangan yang kita telah terima, dia kata , dia akan jaga mengenai kos *saving* , *energy*, dan katalah tahun ini kosnya ialah 1juta, tapi kalau dia dapat kurangkan aaa....ke 700,000.00 tapi dia nak kongsi dengan kita hasil pengurangan tersebut. Maknanya 300,000.00 boleh jadi dia kata dia dapat 100,000.00 pada dia, dan 200,000 bagi pada kita. Jadi kita tak payah bayar apa-apa, tapi itu caranya. Tapi itu kita kena kaji semula untuk tahu bagaimana aa...cara yang terbaik untuk usaha-usaha mengurangkan aa...te..menggunakan tenaga elektrik kemudian me..memasukkan ataupun menggunakan green teknologi, ataupun dipanggil dalam usaha aa...penjagaan bangunan-bangunan.

YB PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker. Saya ingin bertanya , aa...baru-baru ini kerajaan persekutuan telah mencadangkan supaya peruntukan ataupun bayaran atau, yang digunakan dalam bidang hospitaliti ataupun untuk jamuan makan semua itu dikurangkan. Adakah kerajaan negeri juga melaksanakan langkah yang sedemikian untuk mengurangkan pembaziran dari segi aspek ini dan menjimatkan wang.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Ada beberapa peraturan baru tapi ini sedang, walaupun dia kecil , tapi saya kena, beri, saya dapati, aaa...tiap-tiap ada..aa...upacara perayaan...aa...ramai yang janji nak datang tapi akhirnya juga tidak datang. Maknanya daripada 500 orang yang datang, yang janji datang 500 orang tapi 350 yang datang. Jadi saya telah bisikkan pada aa...aa...Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Sumber Manusia, sapa yang janji nak datang tapi dia tak datang, kita kenakan bayaran kepada kos aaa...untuk aa...pembiayaan tersebut. Ini bukan saja dapat , konsepnya bukan mengurangkan tapi adalah tanggungjawab kita kalau kita dijemput untuk datang, tapi kita tak datang, kos tu dah termasuk dalam aaa....pengendalian kita. Jadi dengan cara itu kita juga telah dapat bukan saja menggunakan dengan sebaik-baiknya, kalau mereka tak datang, kita dapat gunakan duit itu untuk kegunaan yang lain. Katalah , bayangkan 30% orang tak datang , kos yang keseluruhannya ialah 100,000 , 30% orang tak datang, maknanya kos yang boleh kita dapat balik ialah RM30,000.00. Jadi tu beberapa usaha jadi saya harap ahli Dewan Undangan Negeri, ee...faham tentang..ee..tindakan yang kita ambil. Sebab,aa..lagi kedua, saya juga ingin cadangkan kos-kos berbelanja, walaupun ada, nampaknya masalah yang terbesar untuk Pakatan Rakyat dalam kerajaan negeri menjalankan rumah terbuka, makanan habis sebelum masa. Jadi,aa itu saya tidak nak komplek , tapi saya nak kata, aa itu kita boleh terima. Tapi kita mesti penggunaan dia tu, mesti kita jaga dengan rapi.

TUAN SPEAKER: Taman Medan

YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Soalan 97.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: MESRA USIA EMAS

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Program kebajikan Skim Mesra Usia Emas (MUE) ternyata mendapat sambutan. Bilakah fasa kedua MUE akan dilaksanakan?
- b) Apakah kelebihan dan manfaat Fasa II MUE kepada warga emas di Selangor?

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker dan Taman Medan. Aaa..program, cadangan untuk melaksanakan fasa kedua skim usia-usia emas telah pun disiapkan...aa.. perancangannya dan telah pun diteliti dengan baik , tetapi kita masih lagi..aaa...perlu membentangkan ke, di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk, untuk pelaksanaan. Tetapi Insya-Allah, bagaimana pun jangkaan untuk pelaksanaan fasa kedua skim usia-usia emas ini akan dimulakan pada awal tahun 2010. Bagi menyatakan apakah bentuk-bentuk program yang ingin dilaksanakan di bawah fasa kedua itu, aaa...bagi fasa kedua ini, kalau dulunya semua ahli yang mendaftar, hanya dapat memegang satu *copy* atau salinan aa..pendaftaran , tetapi untuk kali ini mereka akan dapat aa..memiliki kad, kad keahlian yang serba guna , yang boleh diberikan pada semua yang telah mendaftar. Ini adalah untuk memudahkan tujuan penyaluran manfaat kepada mereka yang layak dan pemantauan dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Jadi cadangan, cadangan ya, cadangan untuk program ini, yang belum lagi di *endorse* atau diterima pakai oleh MMKN, adalah kita , fasa kedua ini mencadangkan manfaat kesihatan, manfaat pemakanan, diskaun-diskaun tertentu, yang pelbagai seperti rebat pembelian buku, dan pelbagai lagi dan juga kita mengharapkan dengan adanya fasa kedua ini, aa..manfaat kepada skim peserta usia-usia emas yang masih hidup , dapat kita sempurnakan. Sekian, Tuan Speaker.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Aaa...Kota Kemuning ingin tahu, apakah program yang merangsang warga usia emas mengekalkan produktiviti mereka sepanjang hayat.

YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Walaupun ianya tidak ada berkaitan langsung, saya ingin jawab bahawa program untuk mengekalkan produktiviti warga emas telah pun bermula pada bulan Mac baru ini di mana satu program perbincangan tentang bagaimana ya, usia persaraan, dan warga emas itu perlu dimanfaatkan telah pun dibincangkan, dengan, bersama-sama dengan bekas-bekas pegawai, pesara pegawai kerajaan, yang mana ia di antara lain akan menempatkan warga-warga emas ini yang masih produktif, kita akan pastikan mereka ini, aa...di..diberikan, ataupun, memperuntukkan masa mereka di perpustakaan , dan jugak bagi membantu kaum belia untuk menurunkan beberapa kepakaran yang mereka ada di dalam program-program yang dijalankan bersama. Sekian.

TUAN SPEAKER: Kajang

YB TUAN KEE KIM SIN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 98.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK: PELANCONGAN

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Bagaimanakah prestasi Tourism Selangor dalam mempertingkatkan pendapatan sektor pelancongan bagi tahun 2008-2009?
 - b) Apakah rancangan Kerajaan dalam pembangunan ekopelancongan di Daerah Hulu Langat?
 - c) Apakah rancangan kerajaan dalam usaha mempromosikan Bandar Kajang sebagai Bandar Sate?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, prestasi Tourism Selangor dalam mempertingkatkan pendapatan sektor pelancongan adalah seperti berikut;

Melalui jualan pakej *Travel and Tour*, kutipan pengurusan *resort*. Dan untuk makluman dewan yang mulia ini, pada tahun lepas 2008, Tourism Selangor berjaya mengutip 3,325,499.00 dan untuk Januari hingga September 2009 iaitu *quarter* yang ketiga, Tourism Selangor pada setakat ini telah mengutip 2,801,194. Sempena kempen Tahun Melawat Selangor 2010, pihak MPKj telah merancang untuk menyediakan program-program yang berbentuk pelancongan dalam usaha membantu kerajaan negeri mempromosikan negeri Selangor. Antara program-program tersebut yang aa..mempromosikan khasnya eko pelancongan ialah :

- i) Pesta Buah-buahan Hulu Langat
- ii) Karnival Industri Kecil Sederhana Hulu Langat
- iii) Nature Adventure Race MPKj 2010 di bulan Mei
- iv) MPKj Mountain ke Mountain Challenge April 2010

Soalan di mana Kajang telah menanya tentang apakah rancangan kerajaan untuk mempromosikan Bandar Kajang sebagai Bandar Sate. Saya ingin maklum kepada semua di dewan yang mulia ini bahawa saya rasa kalau kita nak mengatakan Kajang sebagai Bandar Sate mungkin tercetus satu perang seperti mana yang kita telah saksikan apabila Menteri Pelancongan mengatakan beberapa makanan itu adalah makanan *trade mark* atau pun *copy wright* Malaysia. Sate merupakan sesuatu makanan yang terdapat di seluruh Malaysia juga sama di Thailand dan juga di Indonesia. Jadi saya lebih saya rasa kita jangan buat macam satu provokasilah kepada semua negeri atau pun negara yang merupakan jiran kita tapi kita memang boleh promosikan sate kajang so sate kajang itu khas di Kajang tapi kita untuk mempromosikan Bandar Kajang sebagai Bandar Sate itu mungkin *it's a wrong kind of a*

promotion dengan izinnnya. Jadi kita memang ada satu karnival ya pada tahun yang akan datang iaitu Karnival Seribu Satu Jenis Rasa Sate Kajang dengan kerjasama pengusaha-pengusaha Sate Kajang untuk tahun depan dan saya secara awal menjemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam dewan ini untuk menyertai karnival tersebut, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan pertanyaan sudah tamat. Sekarang saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat yang seterusnya. Pemilihan Ahli Dewan Negara.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah menitahkan supaya Dewan Negeri Selangor memilih 2 orang Ahli Dewan Negara bagi Negeri Selangor Darul Ehsan memandangkan Yang Berbahagia Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Hj. Sujak dan Yang Berbahagia Dato' Yip Kam Fok iaitu Ahli-ahli Dewan Negara dipilih oleh Dewan Negeri Selangor bagi perkara 45 Sub 1 dalam Perlembagaan Persekutuan akan tamat tempoh perkhidmatan mereka sebagai Ahli Dewan Negara mulai 6 Disember 2009. Mengikut peruntukan perenggan 1 Sub perenggan 2 Jadual ke 7 Perlembagaan Persekutuan saya telah pun menghantar pemberitahu berhubung perkara ini kepada semua Ahli Yang Berhormat bagi membuat permohonan pencalonan. Saya telah pun menerima dua pencalonan bertulis yang telah di cadang dan disokong oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri ini dan juga telah diterima dan ditandatangani oleh kedua-dua calon tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengikut perenggan 1 Sub Perenggan 2 Jadual ke 7 Perlembagaan Persekutuan hendaklah diadakan undian bagi memilih calon yang diumumkan. Bagi maksud ini nama-nama ahli yang mengundi sekali bagi setiap kekosongan. Oleh kerana ada dua kekosongan bermakna tiap-tiap Ahli Yang Berhormat berhak mengundi sebanyak dua kali sahaja.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa dewan yang bersidang pada hari ini memilih Tuan Syed Hussin Ali sebagai Ahli Dewan Negara mewakili Negeri Selangor bagi tempoh selama tiga tahun.

Tuan Speaker, Tuan Syed Hussin Ali mempunyai Ijazah Kedoktoran PhD dalam dari *London School of Economic's and Political Studies*, United Kingdom. Pada tahun 1972 beliau juga merupakan pemegang Ijazah Sarjana dalam Pengurusan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 1962 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kepujian Pengurusan dan Pentadbiran di Universiti Malaya di Singapura. Dalam bidang pendidikan, Tuan Syed Hussin Ali menyumbangkan khidmatnya sebagai :-

- i) Profesor di Pembangunan Manusia IPT Universiti Malaya pada tahun 1982 sehingga tahun 1986;
- ii) Profesor di Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya pada tahun 1986 hingga 1990;
- iii) Ahli Senat Universiti Malaya pada tahun 1981 ke 1990; dan
- iv) Ahli Majlis Universiti Malaya pada tahun 1986 ke 1990

Beliau juga menjadi Presiden bagi *Malaysian Social Science Association* pada tahun 1981 hingga 1990. Beliau juga diterima atau dijemput untuk menjadi *British Academy Visiting*

Profesor di Universiti Cambridge pada tahun 2005. Tuan Syed Hussin Ali telah lama berkecimpung dalam bidang politik selama 50 tahun dan serta bergiat aktif dalam Badan Bukan Kerajaan (NGO). Beliau juga merupakan ahli pengasas SUARAM dan sebagai pengerusi di JPSP. Beliau juga turut menyediakan laporan dan kertas kerja untuk United Nation dan UNESCO dalam bidang penilaian dan laporan mengenai pergerakan guru dan wanita. Beliau juga turut menyumbangkan kepakarannya dalam pelbagai bidang untuk UNESCO, Eight Café dan UNU serta merupakan ahli *International Motion to Investigate Massacre In Bangkok* pada tahun 1992 dan juga menjadi panel hakim untuk *Permanents People Tribunal on Industrial and Environmental Hazard* di Bopal dan Bombay pada tahun 1992 dan turut terlibat dalam *International Inquiry on Display People* di Sri Lanka pada tahun 1994.

Pada masa kini, Tuan Syed Hussin Ali adalah merupakan Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan pernah memegang jawatan sebagai Presiden Parti Rakyat Malaysia pada tahun 1990 hingga 2001.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Dengan ini saya mengisytiharkan nama calon pertama bagi pemilihan Ahli Dewan Negara iaitu Tuan Syed Hussin Ali. Sebelum undian dijalankan saya melantik wakil-wakil untuk mengira undi mengikut bahagian. Blok A sebelah kanan saya Yang Berhormat kawasan Kinrara. Blok B di hadapan saya Yang Berhormat Bukit Antarabangsa dan blok C di sebelah kiri saya Yang Berhormat Kuang (dewan ketawa) saya minta pengundian dibuat sekarang. Dipersilakan.

Dewan sedang membuat pengundian.

TUAN SPEAKER: Sila ke depan, ke depan blok menghadap ahli-ahli.

TUAN SPEAKER: Ya Kinrara, kira....

Dewan sedang membuat pengundian dan pengiraan.

TUAN SPEAKER: Kena panggil, tanya setuju tak setuju.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Tuan Speaker, saya mohon Y.A.B Dato' Menteri Besar menambah Dr. Syed Hussin Ali adalah seorang bekas tahanan ISA (dewan ketawa dan menepuk meja) selama lapan tahun. Selama lapan tahun dalam tahanan ISA.

TUAN SPEAKER: Sekarang tidak boleh tambah dah mengundi dah.... (dewan ketawa).

Pengiraan sedang dilakukan.

TUAN SPEAKER: (Sedang berbincang mengenai keputusan pengundian dengan Setiausaha Dewan)

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, keputusan pengundian pemilihan Ahli Dewan Negara adalah seperti berikut :-

Bersetuju: 32 (Dewan menepuk meja)

Tidak Mengundi: 03 (Dewan riuh rendah)

TUAN SPEAKER: Tenang, tenang. Tidak Hadir 20

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka dengan ini saya mengisytiharkan bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini memilih Tuan Syed Hussin Ali sebagai Ahli Dewan Negara (ahli-ahli dewan menepuk meja) mewakili Negeri Selangor bagi tempoh selama tiga tahun.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat yang seterusnya pemilihan Ahli Dewan Negara seterusnya.

TUAN SPEAKER: Untuk pemilihan Ahli Dewan Negara yang seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Kinrara.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini memilih Tuan Ramakrishnan A/L Supiah sebagai Ahli Dewan Negara mewakili Negeri Selangor bagi tempoh selama tiga tahun.

Tuan S.Ramakrishan A/L Suppiah, berumur 53 tahun, merupakan salah seorang ahli *Chartered Institute Of Management Accountant (ACMA)*. U.K. Mempunyai Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan, *Masters in Business Administration (MBA)* serta dalam proses terakhir untuk melengkapkan Ijazah Kedoktoran dalam bidang kewangan. Beliau menjadi Ahli Parti DAP sejak tahun 2000. Kini beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Kolej Metropolitan sejak tahun 1997. Beliau berpengalaman membentangkan kertas di Seminar Antarabangsa Bangkok, Kuala Lumpur dan Perth, Australia. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Bandar raya Petaling Jaya mulai Jun 2008. Tuan Ramakrishan A/L Suppiah juga aktif dalam Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Khidmat Masyarakat. Di antara sumbangan beliau adalah seperti berikut:-

1. Pengerusi Jawatankuasa Persatuan Pekerja Ladang dan Lombong, DAP Selangor tahun 2001-2003.
2. Menyelaras program Bahasa Inggeris di Sekolah Tamil pada tahun 2005-2006 dan 2007.
3. Mengendalikan Program Motivasi dan Kesedaran bagi belia sejak tahun 2007. Pada tahun 2008, beliau telah mengendalikan 4 bengkel di Taman Medan, Desa Mentari dan Klang.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Cadangan ini telah pun disokong, dengan ini saya mengisytiharkan nama calon kedua bagi pemilihan Ahli Dewan Negara iaitu Tuan Ramakrishnan A/L Suppiah. Seperti kaedah pengundian tadi, saya meminta dibuat pengundian sekarang. Dipersilakan. Blok A, YB Kinrara, Blok B, YB Bukit Antarabangsa dan Blok C, YB Kuang.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, keputusan pengundian pemilihan Ahli Dewan Negara adalah seperti berikut:-

- i. Bersetuju - 32

| | | | |
|------|-----------------|---|----|
| ii. | Tidak bersetuju | - | 2 |
| iii. | Tidak Mengundi | - | 1 |
| iv. | Tidak Hadir | - | 20 |

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka dengan ini saya mengisytiharkan bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini memilih Tuan Ramakrishnan A/L Suppiah sebagai Ahli Dewan Negara mewakili negeri Selangor bagi tempoh selama 3 tahun.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul nombor 14, Tahun 2009, usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1)(P) oleh YB Ijok.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawasanya dewan yang mulia ini memutuskan YB Tuan Mohamad Satim Bin Diman dari Seri Serdang hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Kebebasan dewan ini yang dikehendaki menyiasat kesahihan kenyataan beliau di dewan ini pada 11 November 2009. Iaitu bajet 2010 dikemukakan adalah dalam keadaan rakyat keseluruhannya sangsi dan kebolehan Y.A.B Dato' Menteri Besar. Dia bertolak dengan kegagalan membayar kemudahan pinjaman Islam berjumlah 66.6 juta ataupun USD 18.5 juta yang dibuat pada tahun 1998 bagi tujuan pembelian saham Kumpulan Guthrie Berhad, ini adalah pembelian opsyen 200 juta saham ataupun 20 peratus daripada Kumpulan Guthrie. Ini membuktikan, Y.A.B Dato' Menteri Besar tidak hemat dan gagal menguruskan kewangan sendiri. Sekiranya didapati kenyataan tersebut tidak sah dan tidak berasas, maka Jawatankuasa Hak dan Kebebasan hendaklah mencadangkan tindakan yang sewajar ini kepada dewan ini. Tuan Speaker, saya merasakan perlu membawa cadangan ini, sebab kenyataan ini telah pun dibuat oleh Seri Serdang tidak selain daripada tak ada bukti yang kukuh tetapi kecercaan kepada seorang ahli dewan. Saya ingin menyatakan bahawa pada 18.5.2007 saya telah menyaman Bank Islam kerana tidak menjaga dan mengurus saham milikan saya dalam Kumpulan Guthrie di bawah fasiliti Al-Bil Bithamin Aji. Tapi untuk keterangan ringkas mengenai ini, 200 juta saham tersebut dan jika dijual kepada harga selepas penyusunan semula pengambilan saham oleh Sime Darby kepada saham - saham Guthrie dan Golden Hope, nilai harga yang saya beli dengan harga yang dibeli untuk penyusunan semula itu bezanya ialah RM 5 sekurang-kurangnya. Jika 200 juta yang menjadi persoalan ini, jadi jumlah pendapatan saya ialah melebihi 1,000 juta ringgit. Jadi, untuk ini bukan satu kenyataan yang tidak menyatakan saya tidak boleh membayar 66.6 juta. Perkara ini telah di saman, saya saman di mahkamah. Dan mahkamah, Bank Islam juga telah membuat selepas saya menyaman dia telah membuat saman yang dipanggil "*summon rejudgement*" untuk mengambil pembayaran yang sepatutnya dibuat oleh saya berasaskan Al-Bil Bithamin Aji ini sebanyak RM 66.6 juta dan baru-baru ini Hakim pada mulanya menerima saman Bank Islam tapi sekarang telah tidak lagi menerimanya kerana dia nyatakan bahawa saman saya sebanyak yang saya katakan tadi mesti dibicarakan dahulu, jadi oleh sebab itu dalam perbicaraan ini telah menunjukkan *claim* saya ke atas Bank Islam lebih besar daripada yang diminta oleh Bank Islam. Jadi oleh sebab itu, saya rasa kenyataan yang dibuat oleh Seri Serdang adalah satu kenyataan yang tidak benar, dan bertujuan jahat untuk menunjukkan kenyataan berasaskan kenyataan yang tidak benar itu untuk menyatakan bahawa Menteri Besar tidak hemat dan gagal menguruskan kewangan sendiri dan dengan itu, mengatakan bahawa negeri Selangor ini tidak diurus dengan sebaik-baiknya. Kenyataan itu tidak seharusnya dibuat oleh seorang ahli dewan yang menghormati ahli dewan yang lain.

YB PUAN TERESA KOK SUH KIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

TUAN SPEAKER: Kuang

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS: Tuan Speaker, *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. YB Speaker, saya merasakan bahawa tindakan ataupun kehendak Ijok, supaya Seri Serdang meminta maaf satu ugutan sebenarnya. Bagi saya, Seri Serdang tidak perlu mohon maaf di atas ucapan Seri Serdang pada 11 November lalu mengenai isu pinjaman Y.A.B Ijok dengan BIMB, RM66.6 juta. Jika Y.A.B Ijok *gentlemen* dengan izin, sepatutnya Y.A.B Ijok ambil tindakan terlebih dahulu kepada YB Gombak Setia dan YB Cempaka yang telah mengkritik SELCAT baru-baru ini yang kewujudannya sedang dipersoalkan sekarang. Tambahan pula mereka berdua adalah ahli majlis mesyuarat kerajaan yang bersama-sama bertanggungjawab dalam penubuhan SELCAT.

YB TUAN SPEAKER: Yang Berhormat ini tak ada kena mengena dengan SELCAT, nanti dulu..nanti dulu, ini pertama tidak kena mengena dengan SELCAT, ini adalah kes yang dirujuk itu adalah kes Yang Berhormat Sri Serdang. Kalau katakan Yang Berhormat Kuang tidak bersetuju dan nyatakan ada kes SELCAT itu sepatutnya Yang Berhormat bawa usul untuk rujuk orang lain kerana menghina SELCAT ke ataupun menghina sesiapa pun jadi jangan kaitkan jangan campur adukkan ini.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Baiklah, saya teruskan. Yang Berhormat Speaker, yang menjadi persoalan rakyat Negeri Selangor ialah kredibiliti Ketua Eksekutif Kerajaan Selangor Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana kegagalan menguruskan pinjaman peribadi yang begitu besar dengan BIMB Selangor RM66.6 juta. Mungkin tidak besar kepada Yang Amat Berhormat Ijok tetapi besar kepada rakyat biasa Negeri Selangor bukan bilangannya tapi soal kredibiliti dan maruah Kerajaan Selangor yang selalu digembargemburkan oleh Yang Amat Berhormat Ijok sendiri. Sebenarnya kita berdoalah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat menyelesaikan masalah ini dengan segera. Apabila Yang Amat Berhormat sendiri ada membuat kenyataan seperti yang dilaporkan di dalam selangor.gov.com.my bertarikh 21 Ogos 2009 seperti berikut, " Saya percaya kalau dibicarakan kedua-dua pihak, Bank Islam dan saya bertanggungjawab, jika Bank Islam menang dalam perbicaraan selepas rayuan dan saya kena membayar. Kalau Bank Islam dan saman saya dipersetujui oleh Mahkamah dan kemudian Bank Islam akan membayar kepada saya dan saya terima tentang perkara ini dan saya telah membuat persediaan kewangan untuk menentukan perkara ini dapat dilakukan dan diselesaikan". Yang Berhormat Speaker, rakyat Selangor ingin bertanya bagaimana Yang Amat Berhormat Ijok mahu membayar pinjaman RM66.6 juta tersebut? Dari sumber mana RM66.6 juta didapati untuk membayar hutang tersebut? Adakah daripada harta yang dimiliki sekarang? Adakah jumlah ini selaras dengan jumlah pengisytiharan harta yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita tempoh hari. Kita juga tidak berapa pasti berapa harta sebenar yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Ijok kalau tidak cukup bagaimana hendak membayar bakinya, harta mana yang hendak dicagarkan oleh Yang Amat Berhormat Ijok. Oleh itu, kalau Yang Amat Berhormat mendesak Seri Serdang untuk memohon maaf yang saya sendiri menolak kerana saya berpendapat tidak perlu bukan satu kesalahan. Saya pula mendesak Yang Amat Berhormat Ijok atas prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban yang selalu ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Ijok sendiri supaya Yang Amat Berhormat Ijok mengisytiharkan harta beliau dan beritahu kepada rakyat bagaimana beliau akan menghabiskan pinjaman tersebut. Tuan, Yang

Berhormat Tuan Speaker rakyat Selangor berhak untuk mengetahui kerana Yang Amat Berhormat Ijok bukanlah orang biasa, kalau dalam drama Melayu lama, orang ada-ada. Oleh itu orang nombor satu Kerajaan Selangor, Ketua Eksekutif Negeri Selangor yang telah diberi mandat untuk mengurus bajet jumlah berjumlah 1.3 bilion baru-baru ini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, terima kasih Tuan Speaker. Kampung Tunku berdiri menyokong usul ini atas beberapa perkara yang berkaitan dengan peraturan-peraturan tetap. Semasa Yang Berhormat Seri Serdang berbahas mengenai ucapan bajet ini sebenarnya saya telah mengambil maklum dan memberi perhatian terhadap isi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Serdang ini di mana saya telah mendapati semasa perbahasan itu dan saya tidak sempat untuk berdiri. Ucapan yang dibuat oleh Seri Serdang ini kalau ditelitikanlah mengikut peraturan tetap kita telah melanggar peraturan tetap tiga puluh enam dua yang berbunyi tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah kira-kira pada pertimbangan pengerusi merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu. Juga perbahasan yang dibangkitkan oleh Seri Serdang ini pada masa itu melanggar peraturan mesyuarat tiga puluh enam sembilan yang berbunyi dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa Ahli-ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau siapa Pegawai-pegawai Kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau Pegawai Kerajaan. Sebenarnya mengikut isi kandungan peraturan tetap tiga puluh enam sembilan ini telah dijelaskan adalah amat jelas apa yang isu dibangkitkan oleh Seri Serdang ini merupakan isu yang berlaku semasa Yang Amat Berhormat Ijok belum lagi dilantik ataupun menang di dalam pilihan raya. Jadi isu-isu yang dibangkitkan ini sebenarnya tidak ada kaitan dengan Yang Berhormat Ijok selaku Menteri Besar Negeri Selangor. Cadangan untuk merujuk Seri Serdang ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan adalah tepat kerana saya ingin memberitahu Yang Berhormat Kuang bahawa dengan lulusnya usul ini tak bermakna Seri Serdang telah bersalah. Seri Serdang akan tetap takluk kepada segala siasatan oleh mesyuarat yang akan dilakukan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan kemudian akan ditentukan sama ada dia salah atau tidak dan jika dia salah maka juga akan dirujuk kepada Dewan Yang Mulia ini tentang apakah bentuk hukuman yang telah dinyatakan yang akan dicadangkan kepada Dewan ini untuk diluluskan. Saya dalam membuat ucapan semasa dalam perbahasan bajet iaitu kuasa yang ada pada dewan ini besar di mana hukuman yang dilakukan terhadap seseorang anggota dewan itu tidak boleh di bawa ke mahkamah. Cara ini saya rasa adalah cara yang sopan dan betul kerana hukuman terhadap mana-mana ucapan ataupun salah laku yang dibuat oleh ahli di Dewan Yang Mulia ini perlulah ditetapkan, ditentukan dan oleh Dewan Yang Mulia ini dan bukanlah oleh mahkamah. Saban hari kita lihat banyak ramai sangat ramai orang khususnya daripada Kerajaan Barisan Nasional yang begitu cenderung hendak membawa pertelingkahan ataupun isu-isu yang berlaku di dalam dewan ini ke dalam mahkamah. Cara ini adalah tidak betul dan cara yang betul ialah melalui Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya berharaplah kejadian ini akan menjadi satu bentuk peringatan kepada kita semua supaya keutuhan dewan itu perlulah disanjung setiap masa. Kalaulah terdapat mana-mana apa-apa isu ataupun permasalahan kita perlulah menyelesaikannya dengan cara yang betul dan bukan dengan cara yang salah. Ya itulah ingin saya sarankan dalam ucapan saya yang ringkas ini. Sekian, terima kasih.

YB TUAN SPEAKER: Ya, Kota Alam Shah.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Ya Terima Kasih Tuan Speaker. Saya menyokong penuh usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya percaya kepada peguam-peguam yang mengendalikan kes Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Apa yang diujahkan oleh Seri Serdang dan Kuang adalah satu kesalahan besar, satu penghinaan terhadap mahkamah. *It's contempt..contemptious* dan saya harap Yang Berhormat Menteri Besar dapat nasihat daripada peguam-peguam, memberi arahan kepada peguam-peguam agar satu laporan polis dibuat terhadap kedua-dua mereka sebab menghina mahkamah, *subjedis* dan juga apa yang di bentangkan oleh kedua-dua mereka adalah satu bentuk hasutan, boleh mengambil tindakan ke atas mereka dari segi hasutan dan saya percaya, saya serah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk memberi arahan kepada peguam untuk mengambil tindakan ke atas kedua-dua mereka. Itu sahaja, terima kasih.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tuan Speaker, bagi saya untuk mempersoalkan Ketua Eksekutif yang nak jaga bajet nak jaga negeri ini. Salahkah kita mengutarakan perkara itu? Ini bukan nak main-main, bukan nak jaga syarikat, jaga negeri, jaga rakyat. Kita bukan nak menghina mahkamah tapi kita nak pertikaikan, mampukah nak memperjuangkan nak jaga duit, nak jaga rakyat, nak jaga negeri dengan isu yang sebegini besar.

YB TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker.

YB TUAN SPEAKER: Ya, Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Tuan Speaker Kajang menyokong usul ini dengan sepenuhnya. Walau bagaimanapun Kajang merasa dari segi peraturan-peraturan tetap memang Seri Serdang telah melanggar peraturan tetap tiga puluh enam..enam, di mana seseorang ahli tidak boleh meluahkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain. Walau bagaimanapun pada ketika perbahasan, Seri Serdang telah menyatakan fakta-fakta yang tidak benar tapi waktu itu dan prosedurnya tidak ada bantahan dan teguran ke atasnya waktu beliau menyatakan dan pihak dewan bawah Speaker juga tidak beri teguran. Jadi Kajang agak tidak pasti sama ada dari segi prosedurnya kita boleh merujuk hal ini kepada Jawatankuasa Hak Asasi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sebab Yang Berhormat Kajang menimbulkan soal tafsiran, maka saya memberi tafsiran berkenaan peraturan tetap. Sebenarnya usul ini adalah usul untuk merujuk Yang Berhormat Seri Serdang ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan atas kesalahan menghina dewan, menyentuh kebebasan di bawah Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor semua Ahli Dewan Negeri Diberi Kebebasan jadi imuniti semasa berucap. Tetapi tidak bererti barang siapa yang berucap itu boleh membuat kenyataan yang mencemar nama baik adun-adun yang lain beliau dilindungi, beliau tidak boleh di dakwa di mahkamah ke atas apa yang diucap di dewan ini tetapi sekiranya apa yang diucapkan dewan ini dianggap mencemar reputasi, memberi fakta yang tidak berasas maka dia adalah satu penyalahgunaan masa imuniti yang diperuntukkan di bawah undang-undang tubuh Kerajaan Negeri. Jadi berasakan itu maka Yang Berhormat Seri Serdang dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan seperti yang dicadangkan dan dia tidak ada kena mengena sebenarnya dengan peraturan tetap. Kalau peraturan itu akan diuruskan semasa beliau berucap dan apabila dewan bersidang tetapi ini adalah kena mengena dengan Hak dan Kebebasan di mana hak dan kebebasan itu disalahgunakan. Ya, Sungai Pelek silakan.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Tuan Speaker, sudah pun Tuan Speaker jelaskan mengenai peraturan tetap tadi yang disebut-sebut oleh kawan kita ADUN daripada Kajang,

daripada Kampung Tunku, bagi saya Dewan Yang Mulia ini memang memberi kebebasan kepada setiap ADUN untuk berbahas. Kalau waktu berbahas itu keluarnya benda-benda atau percakapan yang disifatkan sangkaan jahat atau ada motif yang lain rasa saya buat masa itu ADUN yang tersebut perlu bangun dan bantah, Kalau dewan ini apabila sebutnya sesuatu kejadian berlakunya akan membawa ke, merujuk ke Jawatankuasa Hak dan kebebasan dewan, saya rasa, rasa sayalah tidak bebas untuk kita menyuarakan semua-semua dalam perbahasaan kita. Mungkin..mungkin Seri Serdang sentuh ini tafsiran Yang Amat Berhormat macam ini tetapi tafsiran orang lain mungkin tidak. Jadi kalau sekiranya dalam semasa perbahasaan keluarnya sesuatu kenyataan itu tak betul buat masa itulah *and then* bila rujuk kepada...kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan so maksudnya setiap terutamanya ADUN Barisan Nasional apabila mengeluarkan sesuatu hujah terpaksa berhati-hati kerana bila-bila masa sahaja boleh..boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan kalau nak undi pun majoriti Pakatan Rakyat menang. So kita duduk di sini nak menyuarakan sesuatu pun terpaksa berhati-hati rasa sayalah. Persepsi, persepsi rakyat di negeri Selangor yang baru-baru ini sudah digantung 5, / tak tahu lepas apa keputusan ini mungkin akan berlaku juga begini. Persepsi, jadi bagi sayalah kalau dalam Dewan ini kita berbahas, keluarnya kenyataan yang dikatakan sangkaan jahat yang tidak betul yang ke Mahkamah tu buat sementara waktu tu bantah. Sekurang-kurang ADUN, ADUN terutama Barisan Nasional bebas bersuara. Tak kan tak ada, tak kan tak ada yang ADUN daripada Pakatan Rakyat semasa berbahas itu mengeluarkan kenyataan yang bukan-bukan juga. Saya masih ingat semasa ditegur oleh Tuan Speaker kita mohon maaf tarik balik, ada. Ada ADUN yang mohon maaf, ada ADUN yang tarik balik ada. Bukan tak ada. Jadi bagilah rasa saya kalau usul ini kalau nak lulus memang lulus tapi kena dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

YB TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Pelek sebab Yang Berhormat Sungai Pelek sentuh lagi soal tafsiran, jadi saya kena, saya bukan mahu ambil bahagian dalam perbahasaan tapi bila tafsiran ni soal sangka jahat itu bukan soal yang menyentuh hak dan kebebasan. Saya nak betulkan itu. Soal *sub-judice* iaitu kes masih berada di Mahkamah, kalau disebut di sini maka akan dilarang tetapi itu tidak menyentuh hak dan kebebasan, yang menyentuh hak dan kebebasan ialah sesuatu kenyataan itu tidak berasas dan mencemar atau memfitnah mana-mana ahli. Di mana kalau kenyataan itu dibuat di luar Dewan boleh didakwa di Mahkamah sebagai memfitnah. Kalau sangka jahat tu tidak semestinya menjadi fitnah itu tidak menyentuh hak dan kebebasan dan di Dewan ini kalau isu rakyat, isu dasar kerajaan semua boleh bebas dibahaskan. Tetapi apabila kita menuduh seseorang itu sebagai tidak layak dari segi profesionalnya, seorang yang tidak jujur, seorang pembohong, penipu, pecah amanah dan sebagainya tidak bermoral itu memang sudah menyentuh nama baik seseorang itu, maka itu sudah menjadi satu soal hak dan kebebasan. Jadi itu perbezaannya. Jadi saya berharap Yang Berhormat sekalian mengkaji dan memahami perbezaan dua perkara ini. Peraturan Tetap dan juga Hak dan Kebebasan. Kerana Hak dan Kebebasan itu diberikan kepada setiap Wakil Rakyat mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri bukan di bawah Peraturan Tetap. Sementara soal sangkaan jahat dan *sub-judice* adalah diperuntukkan di bawah Peraturan Tetap. Jadi adalah dua perkara yang berlainan kena dibezakan. Jadi soal, saya juga nak menyentuh usul yang dibawa itu, usul menghendaki Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan untuk menyiasat kesahihan. Ini bererti Jawatankuasa Hak dan Kebebasan hendaklah menyiasat sama ada tuduhan itu betul atau pun tidak. Sekiranya didapati tuduhan itu betul bererti cadangan itu, bererti kenyataan itu betul maka tidak ada soal menghina Dewan. Jadi Jawatankuasa ini adalah tugas, akan kalau usul ini diluluskan akan tugasnya adalah untuk menyiasat dan kemudian membuat cadangan. Jadi bukan usul untuk menghukum sesiapa buat setakat ini. Baik silakan. Batu Caves.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Speaker. Saya rasa terpanggil untuk turut serta setelah mendengar beberapa hujah yang dikeluarkan oleh pihak Pembangkang. Tuan Speaker, sebagaimana yang telah dimaklumkan apabila kita membuat keputusan tentang penggantungan beberapa ahli Dewan yang lalu, saya telah menyebutkan bahawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan ini adalah untuk memastikan kemuliaan serta martabat Dewan ini dipelihara. Bermakna setiap butir perkataan, benar Sungai Pelek tadi mengungkap bahawa adanya kebebasan kepada setiap Ahli Dewan namun setiap kebebasan itu bukan bererti boleh menghurai serta boleh menuduh sesuatu dengan satu fakta yang tidak jelas. Apatah lagi yang melibatkan kredibiliti Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang bertanggungjawab untuk menguruskan negeri dan atas sikap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang bersifat untuk telus dan menjelaskan sesuatu, beliau pada Hari Jumaat telah mengeluarkan satu kenyataan yang saya kira dalam masa beberapa saat atau beberapa jam saja telah sampai kepada Sri Serdang. Dalam tempoh dua hari sehingga hari semalam sepatutnya Sri Serdang boleh merujuk kepada mereka-mereka yang berpengalaman dan Sri Serdang sendiri adalah orang yang terlibat dalam pengurusan selaku Bekas Timbalan Speaker Dewan sebelum ini. Sudah pasti beliau memahami tentang apa itu hak dan kebebasan dan apakah itu erti Dewan yang sepatutnya dipelihara daripada mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang bercanggah atau pun kenyataan-kenyataan yang menuduh yang tidak benar yang tidak jelas faktanya, salah dan faktanya tidak betul. Bagi Sungai Pelek dan wakil-wakil Pembangkang saya ingin mengingatkan kembali bahawa Kuala Kubu adalah salah orang daripada wakil Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan beliau boleh meneliti perkembangan serta perjalanan kes ini jika ia dijalankan dan usul ini diluluskan dan tidak ada unsur salah sangka ataupun unsur-unsur komplot yang mungkin kita boleh lakukan kerana Kuala Kubu ada di situ dan boleh memantau secara keseluruhannya dan boleh membangkitkan.

Tentang Jawatankuasa Hak dan Kebebasan mungkin ada wakil-wakil kerajaan atau pun BBC dengan izin seketika berhujah, bersidang, mengeluarkan kenyataan, membantah dan bertingkah antara satu sama lain mengeluarkan kenyataan-kenyataan tuduhan dan ia menjadi hak dan kebebasan setiap Ahli Dewan untuk melaporkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Justeru setiap Ahli Dewan melaporkan boleh hari ini atau pun mengeluarkan usul-usul ini sebagaimana yang telah sedia maklum kalau perlu kursus saya rasa Speaker boleh bagi kursus kepada wakil-wakil Pembangkang, macam mana yang buat usul dan sebagainya saya kira kita terbuka dan rasa berbesar hati untuk menjelaskan kepada mereka. Ini tidak ada unsur-unsur khianat atau pun sebagainya. Saya kira daripada hal ini pihak kerajaan yang mengusulkan hal ini mahu pun Ahli Dewan Ijok yang mengusulkan hal ini telah memberikan ruang yang sebesar mungkin. Malahan selepas ini Sri Serdang kalau dipanggil pun ada ruang yang sebesar mungkin untuk menjelaskan. Tapi jangan mengulangi kesilapan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Dewan yang digantung. Bila dipanggil dia bawak *lawyer*, bila untuk bagi kenyataan tak nak bagi kenyataan. Bila mohon untuk menyatakan permohonan rayuan dia tidak buat rayuan dan kemudian membuat kenyataan yang bukan-bukan di dalam media serta kenyataan-kenyataan di luar yang saya kira tidak bertanggungjawab dan boleh menghalang serta menjatuhkan martabat Dewan ini. Saya kira semangat kebebasan yang ada di dalam Dewan ini cukup dijaga cumanya kebebasan itu harus dipelihara dengan sifat fakta serta kenyataan-kenyataan yang bertanggungjawab. Saya kira dalam Peraturan Tetap Perkara 24 tak silap saya ada merujuk kepada pertanyaan-pertanyaan, kalau dilihat dan kita teliti sememangnya setiap apa butir perkataan yang keluar daripada seorang Ahli Dewan, seorang Ahli Dewan bertanggungjawab terhadap kata-katanya dan kebertanggungjawaban itu harus diukur apakah benar, kenapa tidak dirujuk, kalau dah betul kita bagi ruang dua hari, semalam ada satu hari untuk hadir sama ada di luar atau di dalam Dewan untuk menyatakan kita mungkin tersilap dan sebagainya. Saya kira ini bukan persoalan apa, tapi persoalan ego yang tidak dapat menerima dan merasakan bahawa ini satu adalah salah satu hanya permainan

politik bukan dan ini adalah persoalan maruah dan persoalan sebenar untuk kita memelihara Dewan ini. Saya mohon menyokong. Speaker. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bangi

YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker. Bangi berdiri menyokong usul No. 15 Tahun 2009 Usul di bawah Peraturan Tetap 261B oleh Yang Amat Dato' Menteri Besar Selangor kerana berasaskan kepada ajaran Islam sendiri yang menegah kita daripada membuat tuduhan dan sebagainya dan sekiranya ada sesuatu yang dibawa itu tidak betul hendaklah diperiksa sebagaimana ayat Al-Quran dalam Surah Al-Hujjrad (**bahasa arab**) "wahi orang-orang yang beriman kalau ada orang yang membawa satu berita yang tidak jelas, *fatabaiyanu maka hendaklah engkau pastikan dia supaya jelas adakah berita itu betul atau tidak*" Jadi sekarang kita dapati apa yang dia bawak oleh Sri Serdang sesuatu yang boleh dipersoalkan dari segi betul atau tidak kerana kita telah dijelaskan tadi ini maklumat yang sebagai suatu yang bersifat menghasut tidak benar dan sebagainya dan saya setuju perkara ini hendaklah kita bawak kepada sesuatu yang boleh kita persoalkan dan kita perjelaskan. Begitu juga hadis Nabi Muhammad SAW yang menyebut *ayatul munafiq salasah iza haddasa kazaba wahida akhlafa waida' tumina Qola*. Petanda orang munafik itu ada tiga apabila ia bercakap ia dusta, apabila dia berjanji dia menyalahi janji, apabila diberi sesuatu yang bersifat amanah dia khianat. Jadi dalam hal yang pertama tadi *Iza haddasa kazaba* ia bercakap dusta ini kemungkinan kita boleh pastikan apakah fakta itu benar atau tidak. Jadi apa yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Ijok bahawa apa yang dibawa itu bersalahan daripada kenyataan sebenarnya jadi kita periksa. Oleh sebab itu Bangi bersetuju menyokong usul ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Setia.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Tuan Speaker, Seri Setia ingin menyokong usul yang dibawa daripada Ijok untuk membawa Yang Berhormat Sri Serdang kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Kita sedia maklum bagaimana Yang Amat Berhormat daripada Ijok telah memberi tempoh kepada beliau untuk meminta maaf selepas tuduhan beliau dibuat pada minggu lepas tetapi sehingga hari ini beliau tidak meminta maaf dan kita kena tahu bahawa setiap Wakil Rakyat yang di dalam Dewan ini sekalipun diberi ruang dan kebebasan untuk berhujah dengan seluas-luasnya mereka harus berhujah dengan asas dan berhati-hati, itu saya fikir satu sikap yang perlu dimiliki oleh semua yang bergelar Yang Berhormat ada di dalam Dewan ini.

Sekiranya mereka ingin berucap tanpa berhati-hati maka ini bukanlah tempatnya di dalam Dewan yang mulia ini. Dan sebagaimana yang dinyatakan sebentar tadi kalau benar Sri Serdang yakin dengan tuduhan yang beliau buat beliau seharusnya berani untuk mengulangi di luar Dewan ini di mana beliau boleh di saman atas kenyataan beliau. Itu sepatutnya tindakan yang Sri Serdang ambil sekiranya beliau betul-betul yakin dengan kenyataan yang hendak dibuat. Dan saya fikir Yang Berhormat Sungai Pelek usah risau, usah bimbang setakat ini Dewan Undangan Negeri Selangor memberikan ruang yang seluas-luasnya kepada semua pihak untuk menjawab tuduhan yang dikenakan kepada mereka. Dalam sejarah Negeri Selangor saya fikir kita tidak pernah lihat Dewan Negeri diberikan ruang dan penghormatan sebagaimana Dewan Negeri yang ada pada kali ini di dalam membicarakan pelbagai usul sekali pun daripada Penyokong Kerajaan pun yang memberikan pandangan kritis kita memberikan ruang tersebut dalam hal-hal sebelum ini bagaimana beberapa Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang dibawa ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan mereka juga diberi kan ruang sepenuhnya untuk membela diri, sama ada mereka gunakan ruang tersebut atau tidak itu kena

tanya mereka. Dan Sungai Pelek juga ada menyebut kalau diundi sebarang usul sudah tentu ADUN pembangkang akan kalah. Tapi saya fikir sekiranya ADUN-ADUN Pembangkang memperbaiki rekod kedatangan mereka mungkin ada peluang untuk menang. Tapi setakat ini kita lihat rekod kedatangan mereka begitu menyedihkan jadi sudah tentu akan kalah jika mereka tidak memperbaiki rekod kedatangan tersebut. Jadi saya rasa setakat itu sahaja Tuan Speaker, Seri Setia menyokong usul ini.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini satu usul yang berbunyi bahawasanya Dewan yang mulia ini memutuskan Yang Berhormat Tuan Mohamad Satim Bin Diman hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan ini yang dikehendaki menyasihat kesahihan kenyataan beliau di Dewan ini pada 11 November 2009 iaitu Bajet 2010 dikemukakan adalah dalam keadaan rakyat keseluruhannya sangsi dengan kebolehan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ini bertolak dengan kegagalan pinjaman Islam berjumlah 66.6 juta ringgit atau USD 18.5 juta yang dibuat dalam tahun 1998 bagi tujuan saham Kumpulan Guthrie Berhad. Ini adalah pembelian *option* 200 juta saham atau pun 20% daripada Kumpulan Guthrie. Ini membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tidak hemat dan gagal menguruskan kewangannya sendiri. Sekiranya didapati kenyataan tersebut tidak sah dan tidak berasas maka Jawatankuasa Hak dan Kebebasan hendaklah mencadangkan tindakan yang sewajarnya kepada Dewan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya. Usul No. 15 Tahun 2009. Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (i) oleh YB Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Bahawasanya Dewan yang mulia ini ingin mengambil ketetapan mendesak pihak Kerajaan Persekutuan agar segera menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja yang bebas untuk menyasihat punca sebenar kematian mendiang Teoh Beng Hock selaku mantan Setiausaha Politik EXCO Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Speaker, pada Persidangan Dewan Negeri Selangor yang kedua penggal kedua Dewan Negeri Selangor kedua belas yang lalu di mana persidangan hari terakhir iaitu pada 15 hb bersamaan dengan Hari Rabu seluruh dengan Hari Rabu seluruh rakyat negeri Selangor khususnya dan Malaysia amnya telah dikejutkan dengan satu peristiwa yang memilukan hati nurani kita kerana rakan dan saudara seperjuangan kita iaitu saudara Teoh Beng Hock selaku Setiausaha Politik kepada EXCO Kerajaan Negeri Selangor, YB Seri Kembangan dijumpai terbunuh selepas dibawa pergi oleh sekumpulan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dari Pejabat EXCO di tingkat 15 Bangunan SUK Kerajaan Negeri Selangor. Sebelum saudara Teoh Beng Hock didatangi oleh sekumpulan Pegawai SPRM pada hari tersebut, pada waktu tengah hari kebetulan saya sempat bergurau dengan beliau ketika Persidangan Dewan di tangguh buat seketika untuk berehat makan tengah hari. Masih dapat saya imbas kembali wajah seorang pemuda yang ceria, yang tegas dan bersopan santun serta mempunyai impian dan cita-cita yang murni untuk bersama-sama kita semua memperjuangkan hak rakyat menegakkan keadilan menentang segala kezaliman serta kemungkaran demi bangsa dan negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Speaker, saudara Teoh Beng Hock mengambil keputusan berhenti dari menjadi seorang wartawan Sin Chew Daily dan berkhidmat sebagai Setiausaha Politik kepada YB EXCO Kerajaan Negeri Selangor iaitu YB Seri Kembangan selepas Tsunami politik negeri Selangor iaitu YB Seri Kembangan selepas tsunami politik yang melanda Negeri Selangor pada 8 Mac 2008 yang lalu. Mungkin ramai telah terlupa akan kes saudara Teoh Beng Hock yang semakin sepi angkara peredaran masa dan kekurangan liputan oleh media kerana sehingga hari ini

sudah berlanjutan 4 bulan atau pun 125 hari sampai hari ini tetapi perjuangan bagi menegakkan keadilan untuk saudara Teoh Beng Hock *justice* for Teoh Beng Hock masih segar dalam ingatan kita. '*Justice* Teoh Beng Hock' Saya menuntut keadilan untuk Teoh Beng Hock.

Tuan Speaker, kita semua dimaklumkan bahawa saudara Teoh Beng Hock dibawa ke Pejabat SPRM Negeri Selangor sebagai saksi untuk membantu siasatan terhadap dakwaan kononnya berlaku penyelewengan dalam pengagihan dan kelulusan peruntukan tahun ADUN Pakatan Rakyat sebanyak RM 500,000.00 setahun. Dalam masa yang sama siasatan saudara Teoh Beng Hock difokuskan tentang pembelian bendera kecil Jalur Gemilang yang bernilai sekitar RM 2,400.00 sahaja. Oleh kerana atas tanggungjawab untuk memberi kerjasama kepada Pegawai SPRM memandangkan pada ketika itu permohonan khidmat dan nasihat peguam amatlah diperlukan untuk menemani beliau tetapi ditolak oleh pihak SPRM. Maka pada sebelah petang kira-kira 5.30 petang, saudara Teoh Beng Hock telah dibawa pergi oleh Pegawai SPRM bersama dengan sebuah komputer riba. Pada sebelah malam beliau diambil keterangan demi keterangan dan peliknya beliau tidak dibenarkan untuk berjumpa dengan sesiapa pun termasuk boss ataupun tauke beliau, iaitu YB EXCO Seri Kembangan. Yang pergi bertanya khabar pada pukul 11.30 malam. Pukul 11.30 malam beliau pergi bertanya khabar baik atau tidak, siasatan lanjut bagaimana tetapi tidak dibenarkan dijumpai, di jumpa oleh Pegawai SPRM pada ketika itu.

Malang tidak berbau, pada hari keesokan lebih kurang jam 12.00 tengah hari sudah mula tersebar satu berita satu mayat ditemui di tingkat 5, Bangunan Masalam, Seksyen 9, Shah Alam. Kebetulan di situ adalah pejabat SPRM terletak di tingkat 14 dan 15. Sehingga sekitar jam 2.30 petang kami dimaklumkan penemuan mayat itu kemungkinan adalah mendiang Teoh Beng Hock. Maka dengan itu saya bersama YB EXCO Seri Kembangan, YB EXCO Pandamaran dan bersama Tuan Speaker serta rakan-rakan yang lain bergegas ke Pejabat SPRM untuk mencari jawapan sebenar. Apakah benar, apakah benar mayat yang mati itu adalah saudara Teoh Beng Hock kerana tidak terlintas dalam pemikiran saya, orang yang dibawa sebagai saksi oleh Pegawai SPRM boleh mati begitu rupa. Apabila sampai ke Pejabat SPRM barulah saya sendiri alami dan faham bagaimana kawalan ketat keselamatan di sekeliling Pejabat SPRM Negeri Selangor. Kami terpaksa mengharungi 3 pintu utama yang dikawal dengan rapi walaupun kami ini Wakil Rakyat namun tetap mengalami kesukaran untuk berjumpa dengan beberapa pegawai tetapi mereka tidak memberi jawapan yang sebenarnya sehinggalah lebih kurang jam pukul 3.30 petang YB EXCO Pandamaran telah berjaya menghubungi Ketua Polis Negeri Selangor Datuk Khalid Abu Bakar, barulah dapat disahkan bahawa mayat yang ditemui itu adalah saudara mendiang Teoh Beng Hock.

Tuan Speaker, kenapa pada ketika itu tiada seorang pun Pegawai SPRM yang dapat memberitahu kami, apa yang sebenar yang berlaku dari malam tadi sehinggalah hari keesokan. Kenapa saudara Teoh Beng Hock tidak dibenarkan pulang sedangkan beliau seorang saksi yang membantu siasatan bukan seorang penjenayah seperti Botak Chin, Karimuthu ataupun Nordin Mat Top. Bukankah pihak SPRM wajib menjaga dan memastikan keselamatan saksi-saksi yang dibawa untuk memberi keterangan. Sehingga hari ini misteri dan teka teki pelepasan beliau yang dikatakan pada pukul 3.30 pagi masih menimbulkan satu pertanyaan seribu pertanyaan yang belum terjawab. Sekiranya betul, sekiranya benar, beliau dibenarkan dilepaskan, dibenarkan pulang pada pukul 3.30 pagi. Kenapa telefon bimbit beliau tidak dikembalikan oleh pegawai SPRM. Ini satu persoalan yang serius yang perlu dijawab.

Tuan Speaker, saya yakin ramai di kalangan kita, dan ramai rakyat cukup berpengalaman apabila disoal siasat oleh pihak Polis kalau boleh hendak segera pulang ke rumah, mana mungkin mahu berehat dan bermalam di Balai Polis. Begitu juga dengan soalan siasat SPRM.

Dakwaan yang mengatakan saudara Teoh Beng Hock tidak pulang selepas dibebaskan kerana ingin berehat di Pejabat SPRM adalah tidak logik dan tidak munasabah sedangkan kereta beliau ada di situ. Oleh yang demikian, SPRM mesti bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kematian mendiang Teoh Beng Hock. Jangan cuba berdolak-dalik. Dan lepas tangan kononnya kematian tersebut tidak ada kena mengena dengan SPRM. Walaupun punca sebenar kematian mendiang Teoh Beng Hock masih dalam siasatan. Ramai rakyat Malaysia khususnya rakyat Negeri Selangor tidak kira Melayu, Cina dan India dan lain-lain masih tertanya-tanya bagaimanakah seorang pemuda graduan lulusan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Setiausaha Politik Kerajaan Pakatan Rakyat yang mempunyai masa depan yang begitu cerah di samping itu akan melangsungkan majlis perkahwinan pada hari keesokan. Mati terbunuh dikatakan bunuh diri oleh pihak SPRM dan Polis. Sudah tentu rakyat tidak boleh terima penjelasan tersebut mana mungkin seorang yang hidup dibawa masuk ke pejabat oleh pihak SPRM tetapi akhirnya keluar ialah mayat yang sejuk.

Tuan Speaker, saya ingin melontarkan pertanyaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada daripada Pakatan Rakyat ataupun dari Barisan Nasional. Barisan Nasional pergi mana? Kenapa apabila membicarakan soalan keadilan, pihak-pihak Barisan Nasional semua lari. Inilah jenis bacul namanya Barisan Nasional. Sudah tentu saya ingin melontarkan pertanyaan kepada semua Barisan Nasional termasuk Pakatan Rakyatlah ya dan sahabat-sahabat kita sudah tentu akan naik marah dan tak boleh terima hakikat itu. Oleh itu saya sungguh memahami perasaan ibu bapa dan keluarga mendiang Teoh Beng Hock termasuk isterinya yang begitu kecewa dan sedih sehingga hari ini. Kita sedia maklum, belum sempat SPRM membuat transformasi dari Badan Pencegah Rasuah untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap badan tersebut tiba-tiba berlaku peristiwa kematian misteri saksi penting saudara Teoh Beng Hock. Oleh yang demikian, saya mendesak Pengarah SPRM Datuk Seri Ahmad Syed Hamdan sila letak jawatan dengan segera sekiranya beliau gagal memberi penjelasan yang sewajarnya. Kerana persepsi rakyat terhadap integriti dan wibawa SPRM tercalar dengan teruk lebih-lebih lagi selepas kes kematian misteri mendiang Teoh Beng Hock. Walau bagaimanapun saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah berusaha sedaya upaya untuk memberi bantuan yang sewajarnya kepada keluarga mendiang Teoh Beng Hock termasuk melantik peguam pemerhati dan menawarkan khidmat Pakar Forensik yang terkenal dari Thailand iaitu Dr. Pornthip Rojanasunand.

Tuan Speaker, majoriti rakyat mendesak agar diadakan satu Suruhanjaya Diraja yang bebas untuk menyiasat dan kenal pasti punca sebenar kematian mendiang Teoh Beng Hock dan seterusnya mencari siapa mereka yang bertanggungjawab terhadap kematian mendiang Teoh Beng Hock. Walau bagaimana pun Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hanya bersetuju diadakan inkues atau Mahkamah Koroner yang kuasanya adalah terbatas jika dibandingkan dengan Suruhanjaya Diraja yang bebas. Perbezaan adalah amat ketara kerana *practice direction nombor 1 2007 – guide line of inquest* yang dikeluarkan oleh Hakim Besar Malaya. Mahkamah Persekutuan Malaysia secara jelas telah menyatakan Mahkamah Koroner ataupun inkues hanya berhak mencari kebenaran tetapi tiada kuasa mencari siapakah pembunuh serta tiada hak mendakwa sesiapa. Oleh itu peranan Mahkamah Koroner hanya samalah satu pendengaran awam yang terbuka sahaja. Implikasi daripada kematian mendiang Teoh Beng Hock selaku Setiausaha Politik Yang Berhormat Kerajaan Negeri Selangor, EXCO Kerajaan Negeri Selangor sehingga mutakhir ini YB EXCO daripada Seri Kembangan sehingga hari ini masih gagal mencari pengganti untuk mengisi kekosongan tersebut. Kerana rata-rata rakyat Selangor merasakan trauma dan takut sesuatu yang mungkin, sesuatu musibah yang buruk akan menimpa mereka bagaikan nasib mendiang Teoh Beng Hock. Saya yakin ini merupakan salah satu perang saraf yang dilancarkan oleh pihak pembangkang khususnya

Barisan Nasional yang memperalatkan SPRM demi untuk melemahkan pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat pimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Ramai yang mempertikaikan langkah *pro aktif* SPRM dalam isu penyiasatan peruntukan ADUN Pakatan Rakyat khususnya dalam kes mendiang Teoh Beng Hock yang melibatkan dua ribu empat ratus sahaja. Sedangkan dalam kes-kes rasuah yang menhanguskan jutaan ribuan jutaan wang rakyat seperti skandal PKFZ, istana dua puluh empat juta milik Khir Toyo skandal komisen pembelian kapal selam *scorpine* yang bernilai lima ratus empat puluh juta, pembelian jet sukhoi berjumlah empat ratus sepuluh juta, isu sumbangan wang politik sepuluh juta oleh presiden MCA merangkap Menteri Pengangkutan Malaysia YB Ong Tee Kiat dan sebagainya. Sehingga hari ini tiada sebarang perkembangan yang positif. Tuan Speaker, akan tetapi saya berasa sangsi dan curiga terhadap cara penyiasatan pihak polis dalam kes kematian mistri mendiang Teoh Beng Hock yang hanya menjurus kepada satu sudut iaitu sudut membunuh diri sahaja. Jangan salahkan rakyat kerana tidak percaya dan yakin terhadap siasatan pihak polis dan SPRM kerana rakyat masih terkenang dengan satu peristiwa yang hitam pada tahun 1998 di mana mantan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Dato' Sri Anwar Ibrahim pada ketika itu telah ditahan dan di bawa ke lokap Bukit Aman yang sentiasa tak aman, Dato Sri Anwar dipukul sehingga setengah mati dan mata lebam serta diterajang tanpa sebarang rasa perikemanusiaan. Pihak kerajaan pada waktu itu telah menubuhkan satu badan penyiasat polis yang dianggotai oleh polis sahaja. Maka akhirnya keputusannya ialah tidak dapat dikesan. Apakah punca sebenar yang menyebabkan Dato' Seri Anwar Ibrahim cedera parah sehingga mata lebam. Apa yang lebih memeranjatkan kita pada ketika itu ialah menurut mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir, Anwar sendiri pukul sendiri. Ha itu yang memeranjatkan kita.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, jangan jauh sangat.

YB TUAN NG SUEE LIM: Ya, ya saya hanya ambil contoh sebab kita nak bagi tahu rakyat apa sebenar kaitan dengan perkara-perkara yang berlaku pada dulu dan sehingga sekarang ini semua ada kesinambungan ada kaitan.

TUAN SPEAKER: Jangan jauh sangat.

YB TUAN NG SUEE LIM: Ok. ok. Tuan Speaker, oleh kerana rakyat marah dan tidak boleh terima penjelasan tersebut akhirnya pihak kerajaan bersetuju untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja yang bebas dan seterusnya menyiasat punca sebenarnya yang berlaku dan akhirnya bertemu kisah benar iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim telah dibelasah oleh mantan Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noh. Ini memang diketahui oleh semua. Jadi oleh itu Suruhanjaya Bebas Diraja adalah cukup penting dan akhirnya Tan Sri Dato' Rahim Nor telah didakwa oleh mahkamah itu dia. Tuan Speaker, pada masa yang sama saya amat terkejut dengan laporan kenyataan saksi Encik Selvaneson semasa memberi keterangan di mahkamah koroner yang mengatakan pegawai SPRM menggunakan kaedah kekerasan termasuk mendera, mengugut.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya rasa telah dekat sempadan Peraturan Tetap 36 Sub 2. Dah dekat ya.

YB TUAN NG SUEE LIM: Ya, ya saya ambil maklum, saya ambil maklum tapi saya keluarkan satulah, satu kenyataan, satu keratan akhbar ya, yang mengatakan saksi dakwa trauma didera oleh penyiasat SPRM dan saksi dipaksa ketuk ketampi, dipukul dan sebagainya dalam kes Dato' Norza Zakaria Ahli Majlis Tertinggi UMNO yang dikaitkan dengan politik wang. Ha ini keratan akhbar. Ini kenyataan. Jadi oleh yang demikian, Tuan Speaker, saya meminta dewan yang mulia ini, ahli-ahli Yang Berhormat kita semua mendesak supaya satu Suruhanjaya Diraja

mesti ditubuhkan untuk menyasat punca sebenar kematian Yang Berhormat, kematian mendiang Teoh Beng Hock untuk dan seterusnya memberi satu keadilan kepada beliau dan mengenal pasti siapakah sebenarnya yang membunuh Teo Beng Hock dan dakwa mereka sekiranya ada kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan. Kita tidak mahu lagi ada anak-anak kita, anak-anak kita yang dianiaya dizalimi seperti ini, seperti mendiang Teo Beng Hock. Akhir sekali saya mohon dewan yang mulia ini mempersetujui usul ini. Sekian terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Subang Jaya.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Tuan Speaker, Subang Jaya menyokong usul yang dibawa oleh Sekinchan untuk mendesak pihak Kerajaan Persekutuan agar segera menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja yang bebas untuk menyasat punca sebenar kematian mendiang Teoh Beng Hock selaku mantan Setiausaha Politik EXCO Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Speaker, sudah hampir lima bulan Teoh Beng Hock meninggalkan kita. Ini bukan sahaja satu kehilangan yang besar bagi keluarga beliau, tetapi juga bagi pihak pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Saya masih mengingati hari pengebumian beliau di mana beribu-ribu rakyat Malaysia berbilang kaum hadir di rumahnya di Melaka dan juga di Semenyih untuk memberi penghormatan terakhir kepada Beng Hock. Kemarahan beribu-ribu rakyat ini boleh dirasai dan dilihat melalui air mata yang mengalir pada pagi itu. Wartawan-wartawan yang muda turut menangis. Mengapa rakyat begitu marah, kenapa, kerana ketidakadilan yang begitu jelas sekali. MACC telah mengatakan bahawa Beng Hock bukan suspek. Tetapi hanya seorang saksi untuk penyiasatan. Seorang saksi pun boleh masuk bangunan MACC tetapi tidak jadi keluar. Saya masih mengingati waktu saya terima berita kematian beliau. Apabila saya melihat gambarnya di Malaysia kini, badan saya seolah-olah kebas tidak bernyawa. Saya tidak boleh menerima hakikat kematiannya kerana baru sehari sebelumnya saya bertemu Beng Hock di Dewan Annex. Pembantu saya yang lain turut terkejut dan ramai sedar bahawa dengan izin *it could had been any of us*. Tuan Speaker, inkues masih berjalan sekarang, tetapi kita tidak boleh memandang ringan kes ini. Kes-kes besar sebelum ini seperti kes Altantuya dan kes Lingam masih belum diselesaikan. Kita tidak boleh membiarkan kes Teoh Beng Hock dilupakan dengan begitu sahaja. Satu Suruhanjaya Diraja sahaja boleh membawa keadilan bagi keluarga Beng Hock. Tuan Speaker, lima bulan sudah berlalu, ramai daripada kita sudah mula meneruskan kehidupan seperti biasa kerana kita hanya rakan sekerja. Selepas kita tinggalkan ofis kita mungkin tidak menghadapi kekosongan pemergian Beng Hock. Tetapi bukan sebegini untuk keluarga beliau, Saya telah kesempatan bertemu dengan keluarga Beng Hock minggu lepas dan jelas kelihatan mereka masih belum boleh meneruskan kehidupan dengan biasa. Ibunya memberitahu saya bahawa Beng Hock merupakan satu-satunya harapan keluarga mereka. Beng Hock di hantar mendapatkan pengajian tertinggi di kalangan adik-adiknya. Bertahun-tahun ibu bapanya berjimat untuk memastikan Beng Hock lulus pengajian dan mendapatkan kerjaya yang baik. Beng Hock tidak membuat mereka kecewa. Beliau belajar dengan tekun dan menjadi graduan. Beliau pandai berbahasa dan menjadi seorang wartawan dan seterusnya menjadi Setiausaha Politik EXCO Kerajaan Negeri Selangor, tetapi sekarang semua ini sudah menjadi abu. Beng Hock juga mempunyai hubungan yang begitu erat dengan ibunya. Beliau tanpa gagal menelefon ibunya setiap hari, waktu pagi dan waktu petang untuk berbual dengan ibunya. Ibunya memberitahu saya bahawa tidak mungkin Beng Hock akan membunuh diri kerana dalam perbualan telefonnya dengan ibu, Beng Hock memberitahu ibunya bahawa bayi beliau akan dilahirkan bulan Februari nanti semasa Tahun Baru Cina. Ibunya masih menanti-nantikan panggilan telefon yang tidak akan berbunyi lagi. Ibunya tidak boleh berbual dengan Beng Hock seperti dulu lagi. Kesenyapan ini memekakkan dunia ibunya. Ibunya tidak boleh makan, tidak boleh tidur sehingga hari ini tidak ada selera untuk makan. Saya belum menjadi ibu lagi, tetapi bagi ibu-ibu yang sedang mendengar ini

anda pasti faham perasaan ibu Beng Hock yang kehilangan anak tersayang. Akibat ini saya hampir tidak boleh mengecam ibunya minggu lepas. Beliau telah kehilangan hampir lapan kilogram dalam beberapa bulan ini. Bapanya pun sama. Tekanan darah tinggi beliau mencecah seratus tujuh puluh, seratus lapan puluh. Walaupun bapa Beng Hock seorang yang kurang bercakap dan pendiam, namun kepahitan dan kesakitan hati beliau boleh didengar melalui wajahnya. Abang dan adik Beng Hock terpaksa memandu ke Shah Alam setiap hari dari Melaka untuk menghadiri inkues. Kini mereka telah mengambil cuti kerja hampir enam puluh hari. Adiknya juga terpaksa mengambil cuti tanpa gaji dan ini telah menjejaskan pendapatan keluarga mereka. Apakah segala usaha dan pengorbanan mereka ini berbaloi. Mungkin tidak. Kenapa. Kerana mengikut *practice direction nombor 1 2007 – guide line of inquest* dengan izin seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Sekinchan tadi pembunuhan tidak akan didakwa. Ini bermakna keputusan akhir yang akan dicapai pada akhir inkues tidak akan memutuskan siapa yang bersalah dalam mengakibatkan kematian Beng Hock. Oleh itu Suruhanjaya Diraja harus ditubuhkan dengan secepat mungkin untuk membawa pembunuh Teoh Beng Hock di bawa ke muka pengadilan secepat mungkin. Tuan Speaker, saya kehilangan seorang kawan. Pembantu-pembantu EXCO yang lain kehilangan rakan sekerja. Yang Berhormat Seri Kembangan kehilangan pembantu. Penduduk Seri Kembangan kehilangan seorang kakitangan awam. Isteri Beng Hock kehilangan suami. Abangnya kehilangan adik. Ibunya kehilangan anak. Tetapi kehilangan yang paling besar dialami oleh rakyat Selangor. Kehilangan seorang anak muda yang berpotensi dan mempunyai masa hadapan yang cerah. Kita kehilangan perkhidmatan cemerlang Beng Hock. Kita kehilangan seorang wira, seorang agen perubahan. Kita kehilangan seorang anak muda Pakatan Rakyat. Tuan Speaker, Beng Hock tidak boleh membela nasibnya lagi. Beliau sudah tiada, tidak boleh bersuara dan tidak boleh memberitahu kita siapa yang menolaknya daripada bangunan MACC. Oleh itu kita Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang lain harus bangkit dan menjadi suara Beng Hock untuk mengejar keadilan dan memberi penutupan dengan izin *to give a closer to his family*. Kawan-kawan sekalian jangan sesekali kita lupakan Beng Hock yang menjadi sasaran kejam, keji dan tidak berperikemanusiaan buatan Barisan Nasional. Barisan Nasional boleh tipu rakyat tetapi tidak boleh menipu tuhan yang maha tahu. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Meru.

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya tidak mahu mengambil masa yang panjang. Meru sebenarnya ingin menyokong usul ini dengan membawa kaedah yang di bawa oleh Islam. Saya nak beritahu kezaliman yang berlaku pada mendiang Teoh Beng Hock ini, adalah satu kezaliman yang cukup maksima. Sebenarnya perkataan zalim itu datang daripada bahasa Arab yang bermaksud yakni meletakkan sesuatu bukan kepada tempatnya. Saya ambil contoh, Katakan lah di suatu kawasan itu ada orang India, ada orang cina yang datang kepada Yang Berhormat orang Islam untuk mendapatkan sumbangan sedangkan dia itu orang yang OKU ataupun orang yang miskin. Kita tidak bagi tu maka itu sudah dikira zalim. Sebab itu Rasulullah a.s memberitahu kepada penganut Islam supaya prihatin yang serius kepada golongan yang dizalimi ini Rasulullah menyebut” *hendaklah kamu takut kepada doa-doa orang yang dizalimi ini ketika mereka berdoa kepada tuhan.*” Kerana doa orang yang dizalimi ini kata Rasulullah tidak ada hijab, tidak ada halangan dia dengan Allah S.W.T. dan orang yang mentafsirkan hadis ini dia mengatakan dia katakan madzlum itu orang yang dizalimi itu bukan sahaja di kalangan orang Islam, tetapi juga di kalangan orang-orang bukan Islam. Sebab itu Islam melihat bahawa membunuh seseorang itu satu, satu *crime* dengan izin satu benda yang cukup besar. Tuan-tuan boleh tengok dalam surah Al Maidah, surah yang kelima ayat tiga puluh dua dengan izin Allah sebut, *Bismillahi rahmani rahim (bahasa arab)* yang bermaksud *“barang siapa yang membunuh seseorang sama ada dia Islam atau bukan Islam, bukan kerana*

orang itu membunuh orang lain atau bukan kerana orang itu berbuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia ini seluruhnya". Begitulah tingginya bahayanya besarnya dosa orang yang membunuh seseorang itu tanpa sebab. Sebab itu lah saya ingin beritahu lagi dewan yang mulia ini ada satu kalimah ahli jimmah. Ahli jimmah ini bukan orang yang bukan Islam, yang bukan Muslim yang tinggal di Negara Islam, tetapi dia tidak memerangi orang Islam, dia tidak menyusahkan orang Islam. Dia disebut Ahli Jimmah. Rasulullah menyebut (**bahasa arab**) "*sesiapa yang menyakiti ahli jimmah maka dia sebenarnya menyakiti diri ku sendiri.*" Itu yang disebut Rasulullah s.a.w. Sebab itu apa yang berlaku kepada Teoh Beng Hock, mendiang yang saya baru dua kenal baru dua kali berjumpa dengan beliau, satu benda yang cukup menyedihkan dan sepertimana yang disebut oleh Subang Jaya tadi mungkin apa pun berlaku Suruhanjaya hatta itu yang diungkapkan sebagai Suruhanjaya Diraja yang bebas. Kita tidak mahu Suruhanjaya Diraja ini akhirnya di letak d bawah penguam Negara. Kita hendak Suruhanjaya Diraja ini hendaklah setidaknya-tidaknya kepada Parlimen untuk memberikan apa saja keputusan daripada kajian yang dibuat. Sebab itu insya-Allah dengan ini saya mohon untuk menyokong usul ini.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker. Saya Bangi berdiri menyokong usul nombor 14. Bangi sebenarnya mempunyai hubungan sentimental yang dalam dengan saudara Teoh Beng Hock. Dia adalah sama satu tempat institusi pengajian dengan Bangi iaitu di UKM. Kemudian semasa Bangi berkempen untuk jadi wakil rakyat peringkat DUN Kajang dan kemudian Bangi, saudara Teoh Beng Hock ini amat rapat dengan saya, tiap-tiap aktiviti yang kita lakukan yang memerlukan pemberita-pemberita datang, beliau telah selalu datang bersama Sin Chew Jit Poh, datang bersama dengan pemberita China Press Chen, mendiang baru meninggal kemudian juga pemberita-pemberita yang lain lagi setiap kali ada peristiwa yang memerlukan pemberita memang dia datang dan kami amat rapat hubungan antara kami.

Bila beliau menjadi Setiausaha Politik kepada Seri Kembangan dan saya berjumpa di sini kami makin rapat oleh kerana mempunyai hubungan sentimental yang saya katakan dan tinggal pun bersama di Kajang. Jadi amat rapat. Dengan berita kematian beliau, kami rasa di luar jangkauan dan tidak munasabah seorang yang mendapat didikan sastera, yang jiwanya halus, lembut, senantiasa tersenyum bila berjumpa dan sebagainya. Rasa saya tidak munasabah dia membunuh diri dan sebagainya. Oleh itu berita kematian beliau dalam siasatan SPRM amat mengejutkan Bangi dan turut merasa sedih bahkan pada hari pengebumian dia pada 20hb. Julai, Bangi pun turut sendiri berarak pergi ke tempat permakamannya untuk melahirkan rasa dukacita dan simpati terhadap keluarga beliau. So Bangi mengharapkan supaya cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja ini untuk memastikan fakta sebenarnya mengapa beliau dibunuh amat perlu dan Bangi menyokong kuat. So, terima kasih.

YB TUAN SPEAKER: Sebelum saya memanggil Batu Caves, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih belum selesai, maka saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membuatkan usul.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

" Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan sehingga selesai urusan mesyuarat pada hari ini.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, saya menyokong.

YB TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

Dipersilakan Batu Caves.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Speaker. Saya turut sama berkongsi pandangan dan juga sokongan saya terhadap usul yang telah dibentangkan oleh Sekinchan yang mahukan satu Suruhanjaya Bebas untuk menyiasat ataupun Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat kematian Saudara Teoh Beng Hock yang telah didapati meninggal dunia. Setelah didapati terjunam ataupun terhumban daripada tingkat 14, Bangunan SPRM berhampiran Shah Alam ini.

Tuan Speaker, dalam membawa usul ini saya walaupun berlainan bangsa dan agama daripada Saudara Teoh sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Meru sepanjang perdebatannya tadi bahawa ini adalah persoalan keadilan dan kita tidak boleh memisah-misahkan persoalan ini mengikut bangsa, agama mahupun mengikut keturunan. Persoalan nyawa dan juga harta manusia ini adalah persoalan asasi yang harus diperjuangkan oleh semua rakyat tidak kira kaum, agama dan bangsa.

Tuan Speaker, dalam sidang ataupun perbahasan ini, saya ingin membawakan satu artikel yang telah di hurai dalam Berita Harian oleh seorang penulis yang telah mengungkap tentang kematian Teoh Beng Hock. Saya ungkapkan di akhir kalimat tulisan beliau yang boleh kita nilaikan bersama. Dengan izin saya bacakan.

“ Percayalah. Inilah yang berlaku apabila kita sama naik menabur syak pada agensi dan institusi Kerajaan. Layari sahaja laman Internet untuk mengetahui apa yang dikatakan mengenai institusi-institusi yang kebanyakannya diketuai dan dipenuhi oleh orang Melayu. Bukan ahli dan penyokong politik-politik sahaja yang mahukan keadilan, orang lain pun begitu. Tapi jangan semua institusi di runtuh. Janganlah termakan kata-kata orang yang agendanya kadang-kadang hendak mempersoalkan kebolehan orang Melayu. “

Dalam artikel ini juga sebenarnya Tuan Speaker, Saudara Zainul Arifin, penulis di Berita Harian telah mengungkapkan bahawa konon-kononnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengambil pakar luar dan mempersoalkan kebolehan orang Melayu. Ini bagi saya satu masalah yang boleh dianggap sebagai *oximoron* ataupun masalah kecelaruan dalam pemikiran satu Malaysia. Di saat melaungkan satu Malaysia, timbulnya masalah-masalah yang berkaitan keadilan, sering kali dilihat daripada kaca mata perkauman mahupun dari kaca mata agama. Bagi saya elok saya bawakan satu kisah yang telah dibuat oleh Cormey Anthony Appaya dalam bukunya *Kosmopolitanism Etnik In A World Of Strangers*. Beliau telah menghurai satu kisah bagaimana seorang yang bernama Sir Richard Burton yang telah mentafsir ataupun telah menterjemah kisah seribu satu malam. Burton seorang bangsa Eropah dan memahami bahasa Arab serta memahami sejarah serta perbahasan ataupun sastera Parsi. Namun dalam terjemahan-terjemahan Burton, seorang yang ada unsur-unsur kosmopolitan ini ataupun kefahaman-kefahaman memahami bangsa-bangsa dan ada silang di antara bangsa dan juga agama dan juga tamadun di negeri ini. Beliau telah mentafsir kisah seribu satu malam dengan satu sudut pandang yang sangat jelik dan cuba memfokuskan sikap-sikap bangsa Asia khususnya keturunan Arab sebagai orang-orang yang tidak bertamadun. Shahrazat yang

berjaya memperdaya raja daripada terus membunuhnya setelah raja mendengar cerita bagaimana isteri-isteri kepada abang-abangnya khianat terhadap perkahwinan.

Tuan Speaker, bagi saya kisah Sir Richard Burton ini harus jadi pengajaran di saat melaung satu Malaysia khususnya oleh Wakil-wakil Barisan Nasional. Ada lagi timbul kekeliruan bahawa kisah Teoh Beng Hock ataupun kematian wakil-wakil yang bukan Melayu termasuk banyak lagi kematian di Balai-balai Polis sebelum ini yang telah dihuraikan oleh wakil-wakil pembangkang daripada dari sudut perkauman sama ia India ataupun ia Cina tapi sebaliknya haruslah kita melihat isu ini daripada aspek keadilan dan aspek untuk membela maruah dan harga diri manusia sebagaimana yang ada di dalam Al-Quran yang menjamin manusia itu diberikan taraf dan pendirian yang tertinggi. Sebagaimana yang ada disebut sebagai Qarramah Insaniah ataupun harga diri manusia.

Tuan Speaker, dalam hal ini seharusnya kita menyokong usul yang telah dibawa kerana ia akan menjamin institusi-institusi yang disebut sebagai agensi awam ini terus berada di dalam keadaan yang sebaik mungkin. Tidak dipandang sepi, tidak dipandang hodoh sebagaimana yang berlaku terhadap institusi polis dalam kes mata lebam Anwar Ibrahim yang di hujah secara rinci oleh Saudara Sekinchan. Dan juga korek, korek, korek hakim yang mengaitkan V.K. Lingam yang telah terdedah dengan adanya satu Suruhanjaya Diraja namun tidak ada diambil tindakan dan rakyat perlu tahu dan kematian ini bukan mewakili Teoh Beng Hock dan keluarganya. Bukan hanya mewakili DAP, bukan hanya mewakili bangsa Cina tapi kematian ini adalah kesedihan kepada keadilan di Malaysia dan sikap SPRM untuk membantah rasuah. Saya mohon menyokong.

YB TUAN SPEAKER: Ia, Teratai.

YB PUAN LEE YING HA: Terima kasih Tuan Speaker. Teratai ingin mengambil kesempatan ini menyokong usul ini. Seperti yang dikatakan ucapan oleh Yang Berhormat Sekinchan, kematian Teoh Beng Hock adalah kontroversi menyakitkan semua hari rakyat Malaysia. Kita ingin bertanya mengapa satu nyawa boleh ditamatkan begitu sahaja. Kes ini amat jelas walaupun rakyat biasa sendiri boleh menjadi detektif sekarang. Tetapi dalam proses siasatan kelihatan seperti ia ada pihak tertentu yang cuba menghalang kebenaran dikemukakan.

- i. Setelah mendiang Teoh Beng Hock mati, pelbagai tuduhan yang muncul contohnya beliau mengambil komisen sebanyak RM124.00 dan beliau juga mengalami masalah kewangan dan sebagainya supaya berpindah kes ini dari fokus yang sebenarnya.
- ii. Dalam sesi inkues terdapat beberapa bukti yang baru seperti sepucuk surat yang melibatkan pegawai senior dan ahli politik dalam kes ini. Tetapi polis mengatakan bahawa surat itu adalah palsu.
- iii. Setelah mendiang Teoh mati, UMNO Cawangan Ampang tanpa menanti siasatan polis selesai terus mengadakan demonstrasi untuk menyokong SPRM. Andai katakan kalau kes ini di bukti beliau adalah dibunuh, adakah bermaksud UMNO Cawangan menyokong pembunuh?
- iv. Satu lagi insiden yang jelas menunjukkan SPRM cuba menghalang peguam Teoh untuk mencari kebenaran iaitu SPRM memfailkan satu kes untuk menghalang seorang saksi bernama Sivanisan menjadi saksi di mahkamah. Siva merupakan mangsa diseksa oleh SPRM apabila beliau dibawa untuk disoal siasat di SPRM.

Jadi, adakah ini jelas bermaksud yang satu para kata dari Bahasa Mandrin (.....) kalau diterjemahkan itu maksudnya ialah tempat ini tidak perak ataupun wang sejumlah 300 gram. Ini ada satu cerita. Satu hari ada seorang terjumpa sejumlah wang perak sebanyak 300 gram. Beliau tidak tahu bagaimana hendak menyimpankan jadi beliau mengorek satu lubang di bawah pokok untuk simpankan semua perak-perak tersebut. Lepas itu beliau mendirikan satu papan tanda mengatakan bahawa di sini tidak ada wang sebanyak 300 gram. Itu maksud saya. Kebelakangan ini seorang pakar patologi, Dr. Bon Teh dari Thailand memberi pandangan beliau mengenai kes mendiang Teoh. Dari gambar dan laporan sahaja, boleh membawa, mengatakan bahawa kemungkinan ada 80% bahawa Teoh adalah dibunuh dan 20% adalah bunuh diri. Apabila keluar Teoh meminta supaya Dr. Boh Teh membuat post-mortem sekali lagi ada pula pihak menimbulkan isu sijil kelayakan beliau tidak diiktiraf oleh Malaysia. Saya tidak faham mengapa sijil beliau tidak diiktiraf. Sijil beliau boleh diiktiraf di seluruh dunia tetapi bukan Malaysia.

YB TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat dah sempadan 36 (2)..

YB PUAN LEE YING HA: Ia, ia itu kesinambungan yang sebagai yang Sekinchan cakap...

YB TUAN SPEAKER : Ini bukan kesinambungan ya, jangan sambung-sambung ini. Dah dekat dah itu.

YB PUAN LEE YING HA: Ia, saya akan sambung lagi baik masuk kes ini.

YB TUAN SPEAKER : Ini Peraturan Tetap, saya kata jangan, jangan pergi lanjutkan lagi itu 36 (2).

YB PUAN LEE YING HA: Ia-ia, saya jelaskan isu ini ok. Sekarang saya sambungkan. Pada masa yang sama keluarga Teoh Beng Hock diminta berjumlah *psychiatric* di Selayang. Jadi ini amat kesallah nampaknya ada orang-orang tertentu cuba menghalangkan kes ini disiasat lagi. Yang sebenar, yang diujahkan oleh Yang Berhormat Sekinchan, beberapa orang telah diseksa ataupun diugut pada masa soal siasat, jadi Teratai tak akan ulangkan isu ini lagi. Jadi saya merupakan, sekarang SPRM merupakan satu agensi yang paling zalim dan bukan sahaja menyeksa orang dan kemungkinan besar boleh membunuh orang mengikut hujah-hujah dari semua mangsa-mangsa yang masih hidup. Jadi saya ingin menyeru semua Wakil Rakyat yang mempunyai hati yang insaf bersama-sama mendesak supaya menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja yang bebas untuk menyiasat kes mendiang Teoh Beng Hock. Teratai berharap tidak ada nyawa lagi yang terkorban atau diseksa lagi di semua institusi-institusi Kerajaan. Sekian, terima kasih.

YB TUAN SPEAKER: Seri Setia.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Tuan Speaker, Seri Setia merasakan usul yang dibentangkan ini cukup penting bagi menuntut keadilan dalam isu kematian tragis yang berlaku kepada mendiang Teoh Beng Hock yang masih lagi tidak selesai sehingga ke hari ini. Dan kita mahu agar ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja bagi meneliti segala fakta berkaitan kes sehingga mengakibatkan kematian anak muda ini. Kes ini begitu mengejutkan kerana sesiapa sahaja yang mengenali mendiang Teoh pasti mengetahui beliau seorang yang lemah lembut dan cukup bersopan santun. Kejadian sebegini juga sudah tentu menakutkan anak-anak muda yang memikirkan untuk memilih karier menjadi ahli politik. Ibu bapa mana yang mahu biarkan anak-anak mereka memilih jalan ini sekiranya ada ancaman mereka bukan sahaja ditangkap tanpa bicara, diserang gas pemedih mata malah mati dalam tahanan. Kematian Teoh Beng

Hock ini juga merupakan satu lagi titik hitam dalam penubuhan Suruhanjaya Pencegah Rasuah SPRM yang sebelum ini ditubuhkan dengan harapan yang begitu besar rakyat untuk menjadi badan bebas yang memerangi rasuah di negara kita. Kita masih ingat lagi insiden pemberian lembu korban ke Parlimen Bandar Tun Razak.

Mendiang Teoh Beng Hock disiasat kerana kes pembelian Jalur Gemilang sekitar RM2,400.00. Hari ini Y.A.B Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat pula disiasat kerana tawaran sumbangan menunaikan haji di Mekah. Kita bukan nyatakan bahawa pimpinan Pakatan Rakyat tidak boleh disiasat. Tetapi kita mahu SPRM bertindak dan tampak bertindak secara adil bagi mengekalkan kewibawaan mereka di mata rakyat. Dalam kes yang melibatkan Sg. Panjang, Presiden MCA mahupun Perdana Menteri semuanya sukar melihat SPRM menunjukkan keefisienan yang sama apabila berhadapan dengan pimpinan Pakatan Rakyat. SPRM tidak wajar menjadi perkakas politik. Kita juga mahu prosedur dan tatacara siasatan SPRM diperbaiki agar tidak mengabaikan hak asasi manusia dan kedaulatan undang-undang. Jadi atas dasar ini Seri Setia menyokong usul yang dibawa. Terima Kasih.

TUAN SPEAKER: Saya bagi tiga orang terakhir...bermula daripada Kota Damansara, Damansara Utama dan kemudian Kampung Tunku. Silakan Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Terima kasih Tuan Speaker. Kota Damansara ingin menyokong usul No. 16 tahun 2009. Banyak pertanyaan dari jawapan dalam dari segi kematian saudara Teoh kerana kita dapat lihat ialah apabila kita membaca surat khabar tengok terlantar di atas simen satu soalan telah dipertanyakan....ditanyakan, mana darah.....selalunya kalau kita tengok orang jatuh tingkat tinggi mesti berdarah, tidak ada darah. Mungkin dia sudah lama mati, mungkin darahnya...badannya sejuk, darahnya beku bila jatuh tidak ada darah. Pergelangan tangan dan kakinya juga tidak patah menunjukkan dalam bila jatuh dia tak sedar ataupun sudah mati kerana secara automatik....secara automatik dia....kalau kita dah jatuh kita sedar kita akan keluarkan tangan dan kaki sebelum sampai ke bawah. Ini juga satu pertanyaan di mana kita dapat lihat kecederaan berlaku pada badan-badan beliau dan juga telah disebutkan (menyebut satu nama India) mendakwa dan juga, Pakar Forensik juga mengatakan 80% *from inside*, maka itu juga nak disiasat lagi sekali. Yang penting di sini Tuan Speaker cuba bayangkan ada yang katakan beliau cuba tidur di tempat, kalau saya dah kena tahan berapa lama di situ saya nak keluar dari bangunan itu. Kalau mohon nak tidur di bangunan tu ada sesuatu yang tak kena...ya...dan juga telah dikatakan bahawa barangannya belum dipulangkan kembali pada beliau, ia diserahkan bermaknanya masih dalam penguasaan MUCC. Ini juga suatu perkara yang penting ya...dan juga kita tahu telah dikatakan bahawa beliau ingin berumah tangga ataupun merujukkan perkahwinannya besok tapi beliau telah meninggalkan dunia. Juga dipertikaikan peranan SPRM(MUCC) kerana mereka haruslah bertanggungjawab terhadap kematian ini dan seorang yang saksi bukan suspek disoal siasat sampai pagi walhal memang ada dari segi ...aa...*"lock up rules"* ya....*prosedure*...maknanya malam sampai ke pagi tak boleh usik tapi ini dilakukan dengan sewenang-wenangnya, menggunakan taktik-taktik polis untuk cuba mendapatkan maklumat maka itu juga mereka menyeksa dan melakukan sesuatu di mana apabila kita pertikaikan pihak polis menyiasat kita berwaspada kerana berlakunya kematian dalam *police station* berlakunya penderaan dalam polis stesen, maka mungkin mereka tidak layak untuk menyiasat dan mengatakan bahawa mati secara terkejut ataupun membunuh diri. Yang lebih penting juga ...aaa....Tuan Speaker ini adalah satu cara untuk menghukum mengikut pilihandengan izin..*"Selective persecution"* ataupun *"Political persecution"* kerana kita dapat lihat ramai juga Wakil Rakyat juga disiasat. Telah disebutkan bahawa yang penting ni bukan saja MUCC tapi juga agensi-agensi yang lain termasuk JKR, kerana saya sebut JKR pasal masalah lampu tak menyala dah lama sangat di Kota Damansara dan tidak selesai seolah-olah ada satu konspirasi melembapkan dan supaya

kita dituduh tidak buat kerja walhal mereka tidak memantau dan tidak membuat kerja. Bermakna juga ada satu konspirasi terhadap cuba menjatuhkan Negeri Selangor ...aa...ini harus kita sedar mungkin telah disebut dalam Surat Khabar bahawa kita harus menghadapi serangan ini kerana kalau tidak kita akan tersungkur dan saya percaya saudara Anwar Ibrahim berusaha untuk membantu dan percaya juga segala...aaa...ADUN-ADUN juga bersatu untuk menyelesaikan masalah ini kerana mereka telah mengisytiharkan perang...kita masih mengheretkan kaki.....

TUAN SPEAKER: Y.B.....Y.B... ..

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Terima kasih. Maka itu juga yang hairan sekali bahawa tiada siasatan yang dilakukan terhadap BALQIS, terhadap mantan Menteri Besar, berkaitan dengan Istananya dan pelbagai yang disebutkan tadi. Maka itu juga Kota Damansara merasakan bahawa harus menyokong usul tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama..

YB TUAN DR. CHEAH WING YING: Terima kasih Tuan Speaker. Damansara Utama bersependapat dengan Sekinchan supaya satu Suruhanjaya Diraja yang bebas untuk menyiasat punca sebenar kematian mendiang Teoh Beng Hock selaku mantan Setiausaha Politik Exco Kerajaan Negeri Selangor. Inilah atas dua sebab utama. No.1: masih ada kelemahan di Urusan Siasat Penjenayah di pihak Polis. Adakah ini dari segi tak cukup tenaga dan kualiti yang kadang-kadang agak berkurangan khususnya bila ada kes kena-mengena dengan politik. Kita semua boleh memberi contoh-contoh di mana pelaksanaan penyiasatan kes agak lambat. Kadangkala seolah-olah ada halangan. No.2: Lagipun di persepsi orang ramai ada puak-puak penyiasat polis dituduhkan bercenderungan berat sebelah. Atas sebab ini untuk mengelakkan tuduhan syak-wasangka, lebih baik satu Suruhanjaya Diraja yang bebas ditubuhkan untuk menyiasat kes ini. Hanya dengan tindakan ini bolehlah semua pihak boleh dijamin dengan layanan keadilan dan ketelusan. Oleh sebab itu Damansara Utama menyokong Usul 16 yang diutarakan oleh YB Sekinchan. Sekian.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku....

YB TUAN LAU MENG SAN: Terima Kasih Tuan Speaker...Kampung Tunku juga berdiri menyokong sepenuhnya usul ini. Sebenarnya segala kerja-kerja siasatan ya, yang berkaitan dengan kes mendiang Teoh Beng Hock ini perlulah dipusatkan di bawah satu Suruhanjaya Diraja yang bebas yang dianggotai oleh individu-individu yang berwibawa. Tuan Speaker, saya ingin menguraikan sedikit sebanyak tentang kebaikan dengan adanya penubuhan Suruhanjaya Diraja ini, iaitu yang:

- 1) Suruhanjaya Diraja mempunyai bidang kuasa yang luas. Kadangkala ianya lebih luas daripada seorang Hakim atau Koroner dan biasanya Suruhanjaya Diraja ini diberi kuasa yang walaupun luas tetapi ia spesifik dengan syarat-syarat rujukan terma ataupun "*terms of reference*" dengan izin, yang tertentu dalam melaksanakan tugas-tugasnya sebagai Suruhanjaya Diraja dan ianya tidak begitu tersekat terikat dengan undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak Eksekutif.
- 2) Dalam konteks Malaysia kita lihat Suruhanjaya Diraja ini selalunya ia dapat menzahirkan idea-idea dan cadangan-cadangan yang bernas dalam siasatan mereka contohnya yang kita ada ialah Suruhanjaya Diraja mengenai klip video Linggam pada tahun 2007,

Suruhanjaya Diraja mengenai menambahbaikkan Polis pada tahun 2004 dan juga Suruhanjaya Diraja mengenai kes mata lebam Dato' Seri Anwar Ibrahim.

- 3) Suruhanjaya Diraja bertanggungjawab terus-menerus secara langsung terhadap DYMM Yang Dipertuan Agong dan ianya bebas daripada gangguan dan pengaruh politik khususnya daripada Kerajaan Persekutuan.
- 4) Dengan adanya Suruhanjaya Diraja ini satu siasatan yang adil dan tidak berat sebelah dapat dijalankan. Dan ini saya rasa adalah baik untuk mana-mana agensi Kerajaan. Baik untuk SPRM, baik untuk Kerajaan Persekutuan dan baik untuk semua pihak kerana kedua-dua pihak ini khususnya SPRM dan Kerajaan Persekutuan tidak akan dibelenggu dibebani oleh tuduhan-tuduhan tertentu melainkan kalau Kerajaan Persekutuan ingin menyorok sesuatu daripada pengetahuan orang ramai. Tuan Speaker, dalam kes mendiang Teoh Beng Hock ini di mana mendiang Teoh Beng Hock meninggal dunia sehari selepas beliau di heret oleh SPRM dalam membantu siasatan penyalahgunaan peruntukkan kawasan ADUN adalah jelas ini adalah amat Suruhanjaya Diraja ini amat diperlukan. Walaupun begitu apa yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan sehingga sekarang adalah menghampakan kerana Suruhanjaya Diraja yang ditubuhkan hanya akan menyiasat prosedur siasatan SPRM sementara subjek yang paling mustahak iaitu penentuan punca sebenar kematian mendiang Teoh Beng Hock diserahkan kepada seorang.....sebuah *inquest* yang akan di pengaruhi oleh seorang koroner. Cara ini bukanlah cara yang terbaik untuk menyelesaikan kemelut ini. Inkues yang berjalan sehingga sekarang sebenarnya telah mengambil masa yang jauh lebih lama daripada yang dijangkakan dalam mencari kebenaran siapa yang menyebabkan kematian mendiang Teoh Beng Hock ini. Sehingga sekarang kita masih belum tahu punca kematian sebenar mendiang Teoh Beng Hock dan perlu saya mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini tentang satu pepatah Inggeris yang berbunyi "*Justice Delay is Justice Deny*" dengan izin, malahan Suruhanjaya Diraja yang ditubuhkan untuk menyiasat Prosedur Siasatan SPRM pada masa sekarang masih belum ditubuhkan. Adakah Kerajaan Persekutuan hanya sekadar melepaskan batuk di anak tangga sahaja? Kita tidak tahu tapi kami dah menanti jawapan daripada Kerajaan Persekutuan. Tuan Speaker, apabila Inkues terhadap kes kematian mendiang Teoh Beng Hock ini masih berjalan kita telah digemparkan oleh satu pendedahan yang dibuat oleh Peguam yang mewakili SPRM tentang akaun mendiang Teoh Beng Hock. Dan saya rasa ini juga merupakan satu subjek yang perlu disiasat oleh Suruhanjaya Diraja yang bakal ditubuhkan nanti iaitu adakah cara dan prosedur siasatan SPRM yang sebegini profesional atau tidak? Patut atau tidak? Saya ingat bahawa cara yang dilakukan ini yang menjurus kepada "*Character Assassination*" adalah tidak adil, bukan saja tidak adil tetapi tidak profesional langsung. Seorang pembaca portal berita internet yang bernama Helen Ang telah menulis tentang perkara ini dan telah menegur cara-cara pendedahan sebegini yang langsung tidak mengambil kira aaa..."*Lifestyle*" dengan izin seseorang aa...individu seperti mendiang Teoh Beng Hock. Dan saya bayangkanlah dalam kes mendiang Teoh Beng Hock ini kalaulah SPRM perlu menjalankan "*Character Assassination*" yang sebegini teruk melalui alasan-alasan yang disengajakan seperti kononnya baki akaun mendiang Teoh Beng Hock yang hanya berjumlah RM3,600.00, hubungan akrabnya dengan rakan serumahnya, saya rasa ini telah menjatuhkan kredibiliti dan profesional SPRM. Terdapat juga hujah daripada pegawai-pegawai SPRM tentang siasatan rasuah secara keseluruhannya. Telah banyak kali kita dengar daripada media bahawa....

TUAN SPEAKER: YB saya rasa pun dah dekat dah sentuh 36 sebab ini perkara ini , ini adalah sebahagian daripada keterangan dalam inkues. Jadi saya rasa elok kita elakkan daripada membincangkan keterangan

YB TUAN LAU MENG SAN: Saya tidak akan sentuh inkues lagi....saja saya pergi kepada cara siasatan yang perlu juga disiasat oleh Suruhanjaya Diraja yang kita cadang nak tubuhkan ini iaitu tentang profesionalisme dan juga perbezaan di antara rasuah RM1 dan rasuah berjuta-juta ringgit malahan berbilion-bilion ringgit. Banyak kali kita dengar daripada media bahawa....ataupun kenyataan SPRM bahawa ada...aa...sama saja rasuah RM1 ataupun rasuah RM1 dengan rasuah berjuta-juta ringgit. Saya rasa kedua-dua bentuk rasuah ini adalah berbeza kerana dari segi impaknya ialah rasuah berbilion-bilion ringgit ini ataupun berjuta-juta ringgit ini.....

TUAN SPEAKER: Soal ini pula menyimpang daripada usul dah jauh menyimpang

YBTUAN LAU MENG SAN: Prosedur Siasatan cara...

TUAN SPEAKER: Secara umum sudahlah kalau teliti dah jauh menyimpang daripada usul ni kita kena tengok usul bahas ikut pokok.....

YB TUAN LAU MENG SAN: Tuan Speaker, saya telah menyatakan tadi bahawa siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Diraja perlu merangkumi semua.....

TUAN SPEAKER: Ya lah kalau buat secara umum sudahlah kalau pergi butir-butir dah jauh menyimpang daripada soal hakiki ni

YB TUAN LAU MENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, saya menerima teguran daripada Tuan Speaker dan sememangnya ini ialah apa yang ingin saya zahirkan di Dewan yang mulia ini agar semua boleh mengambil iktibar dan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja ini seperti apa yang saya ucapkan tadi. Ianya perlulah merupakan sebuah Suruhanjaya Diraja bukan sahaja bebas tetapi merangkumi semua aspek-aspek yang berkaitan dengan isu mendiang Teong Beng Hock ini. Dengan itulah saya mengakhiri ucapan saya untuk menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi:” Bahawasanya Dewan Yang Mulia Ini mengambil ketetapan mendesak pihak Kerajaan Persekutuan agar segera menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja yang bebas untuk menyiasat punca sebenar kematian Mendiang Teoh Beng Hock selaku mantan Setiausaha Politik Exco Kerajaan Negeri Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.**

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat yang seterusnya, usul untuk menangguhkan Dewan.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian nampaknya persidangan kita telah pun tamat dengan ini sebelum saya mencadangkan Dewan ini ditangguhkan, saya pertama untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker dan rakan-rakan Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah bersama-sama 7 hari untuk membincangkan beberapa perkara. Dewan ini telah membuat beberapa perkara yang baru saya rasa pertama, di perbincangan bajet tambahan untuk memaparkan hutang yang akan dikutip sebanyak 390 juta. Saya berterima kasih kepada Dewan kerana meluluskannya dan

memberi kepercayaan kepada MBI untuk membuat kutipan tersebut. Ini menjadi cabaran kepada kita dan masa Dewan bersidang akan datang sudah tentu perkara ini akan dibangkitkan dan dengan ini masyarakat dan rakyat Selangor akan tahu perkembangannya.

Ini perkara yang kita telah tunjukkan terdapat perbezaannya Dewan kita semasa Pakatan Rakyat dan Dewan semasa Barisan Nasional ada ketelusan ada per tanggung jawapan. Perbincangan mengenai belanjawan sangat menarik dan saya rasa usaha dan rintihan dan beberapa cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil kira seperti yang kita nyatakan kita akan membuat semakan tentang belanjawan tiap-tiap 3 bulan supaya kita dapat mengkaji penggunaan kewangan dan juga punca-punca pendapatan, dengan cara itu kita sentiasa mengikuti perkembangan dan kehendak rakyat tentang apa yang perlu untuk Negeri Selangor. Walau pun kita mesti bersedia menerima hakikat bahawa terdapat kekurangan ataupun kita tidak mempunyai kuasa dan pendapatan yang begitu besar tetapi dengan pendapatan yang sebegini marilah kita gunakan setiap ringgit untuk terus dapat kita gunakan demi kepentingan rakyat Selangor.

Perkara yang ketiga, saya berterima kasih kerana kita telah memilih dua [2] Senator yang mewakili Pakatan Rakyat dan kita berharap Senator-senator ini akan juga bersama-sama dengan rakan-rakan daripada Pakatan Rakyat untuk memperjuangkan hak rakyat Selangor dan rakyat Malaysia umumnya. Dan pemilihan Senator ini memberikan satu gambaran baru bahawa Pakatan Rakyat bersedia untuk bersama-sama dalam memperjuangkan hak rakyat di Selangor.

Saya juga berterima kasih kerana Ahli Dewan telah bersetuju untuk membawa Yang Berhormat dari Serdang untuk dirujuk ke Jawatankuasa hak dan kebebasan Dewan, ini memberikan kita peringatan, bahawa walaupun kita mempunyai kebebasan kita juga mesti menjaga ketertiban dalam kritikan kita kepada semua Ahli-ahli Dewan dan kejayaan Dewan dan penerimaan masyarakat terhadap Dewan ialah tatacara dan bagaimana kita memberikan ungkapan, walau pun tajuk-tajuk atau ungkapan-ungkapan kita itu penting tetapi kita juga mesti membuatnya dengan cara tertib dan teratur kerana kita mewakili rakyat.

Usul Teoh Beng Hock saya rasa satu usul yang akan menghantui kita begitu lama, saya tak tahu apa yang akan berlaku tetapi Kerajaan Negeri Selangor tetap akan menolong keluarga Teoh Beng Hock untuk mencari kebenaran dan keadilan, jadi saya harap kita sama-sama bekerjasama dan berdoa supaya tugas yang kita jalankan ini adalah tugas yang sebaik-baiknya dan untuk kepentingan apa yang telah kita perjuangkan. Saya berharap akan berjumpa dengan Ahli-ahli Dewan tiap-tiap bulan untuk Pakatan Rakyat terutamanya dan kita boleh membuka perkara ini kepada rakan dari Barisan untuk mendengarnya sebab kita ada keterbukaan tentang perkara tersebut tetapi tidak mengurus dana untuk Dewan Undangan Negeri sebab kita rasa dana itu lebih baik diuruskan oleh Dewan daripada Pakatan Rakyat sebagai contoh yang kita terima daripada Kerajaan Persekutuan [*Federal*]

Jadi, akhir sekali saya bagi pihak rakan-rakan EXCO lagi sekali mengucapkan terima kasih dan kita akan berjumpa di sidang yang akan datang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: YAB. belum cadang lagi.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Saya mencadangkan Dewan ini ditangguhkan ke satu masa yang akan ditetapkan kelak.

YB TUAN YAAKUB BIN SAPARI: Tuan Speaker, saya menyokong

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan Persidangan ini di hadapan saya terdapat permohonan untuk membuat ucapan penangguhan, dan bersesuaian dengan peraturan Tetap16 sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Teratai untuk membuat ucapan penangguhannya. Dipersilakan Teratai.

YB PUAN LEE YING HA: Terima kasih Tuan Speaker, mengikut peraturan 16(1) bahawasanya Teratai ingin mengemukakan ucapan penangguhan yang berbunyi seperti berikut:-

SELCAT Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan ke pertanggungjawaban dan ketelusan [*Select community for competency accountability & transparency*] ditubuhkan di bawah Dewan Negeri Selangor yang mana SELCAT boleh mengadakan sesi pendengaran awam dan mengemukakan cadangan kepada Dewan yang mulia ini, sejak tahun 2008 semua sesi pendengaran dijalankan secara lancar dan penerimaan di kalangan rakyat adalah digalakkan.

Mulai September 2009 apabila SELCAT memanggil Pegawai Daerah bagi menyiasat bagaimana peruntukan-peruntukan wakil Rakyat boleh dihabiskan dalam masa yang begitu singkat sehingga memaksa Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan tambahan, malangnya apabila SELCAT menjalankan tugas tersebut ada pihak yang cuba menghalang jawatankuasa ini untuk meneruskan pendengaran awam.

Teratai berasa amat kecewa kerana individu mengeluarkan hujah-hujah yang tidak bertanggungjawab adalah berasal daripada pihak kerajaan, sebagai pihak kerajaan mereka boleh mengemukakan bantahan melalui saluran yang betul, iaitu di dalam Mesyuarat EXCO dan bukan mewartakan isu ini di Media. Bagi pegawai kerajaan yang berkenaan ini adalah satu isu yang menentang kod etika sebagai kakitangan kerajaan, saya beranggap ada pihak tertentu yang terlupa Dewan yang mulia ini merupakan Dewan yang tertinggi di Negeri Selangor.

Semua jawatankuasa adalah dipilih dan di lulus oleh semua ADUN-ADUN yang mana pihak EXCO juga merupakan salah seorang ADUN juga. Kalau ada sesiapa tidak bersetuju dengan penubuhan jawatankuasa tersebut mereka boleh membuat bantahan pada masa itu.

Akhir kata, Teratai dan semua Ahli-ahli Kelab penyokong Kerajaan BBC, telah pun memberikan sokongan sepenuhnya kepada SELCAT supaya meneruskan pendengaran awam demi mengangkat prinsip ketelusan, keupayaan dan ke bertanggung jawaban Kerajaan Pakatan Rakyat. Rakyat berhak untuk tahu apa yang berlaku di Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan, kalau ada penjelasan yang ingin diberikan.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, pihak kerajaan bersetuju untuk SELCAT diteruskan, walau bagaimanapun adalah baik kita bersama-sama untuk melihat *modus operandi* SELCAT supaya akhirnya kita dapat memberi manfaat kepada semua mereka-mereka yang terlibat dan juga kepada rakyat semua. Saya rasa ini adalah proses kematangan kita sebagai satu Dewan Undangan Negeri dan Dewan Negeri Selangor ini patut mendapat kecemerlangan sudah tentu dia proses *improvement* ataupun kebaikan yang berterusan jadi kita rasa kita terima pemerhatian dari Teratai. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan Persidangan ini saya ingin mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan yang telah memberikan kerjasama bagi melicinkan perjalanan Persidangan Mesyuarat Ketiga bagi Penggal Kedua Belas ini, ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha Dewan, Penolong Setiausaha Dewan, urus setia Dewan serta semua kakitangan dan petugas-petugas yang menjalankan Persidangan Dewan kali ini, termasuk pelapor-pelapor yang telah berusaha sesungguhnya untuk menyediakan dan menyiapkan penyata rasmi bagi mesyuarat kali ini, oleh itu besar harapan saya kepada Yang Berhormat agar dapat menyemak kembali draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan ucapan Yang Berhormat, dan sila kembalikan ke Pentadbiran Dewan dengan kadar segera agar penyata rasmi dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Dengan itu saya menangguhkan Persidangan hari ini sehingga satu masa yang akan ditetapkan kelak.

(Dewan ditangguhkan jam 1.45 petang)